KEMENTERIAN KEWANGAN

BULETIN JPPH

EDISI 2/2026









PENAUNG
YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta

PENASIHAT
YBrs. Sr Kartini binti Nordin
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)

KETUA EDITOR
Sr Nadila binti Hamidi

EDITOR
Muhammad Hasbullah Hanif bin Tajuddin

JURUFOTO
Abdul Halim bin Radzi
Mohd Faiz bin Mohd Noh
Azizul bin Mohd Ia
Nabil Faidhi bin Termizi

URUSETIA DAN REKA GRAFIK
Siti Shafi'ah binti Hassanuddin

Terima kasih diucapkan kepada Bahagian dan semua Pejabat Cawangan yang telah menyumbangkan bahan penerbitan di dalam Buletin JPPH ini.

Sidang Redaksi Pengarang Buletin JPPH mengalu-alukan sumbangan berita/rencana untuk keluaran akan datang dan salurkan sumbangan anda kepada:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
Aras 6, Perbendaharaan 2
No. 7 Persiaran Perdana
Presint 2, 62592 Putrajaya
Tel : (603) 8886 9000
Fax : (603) 8886 9001
Portal : www.jpph.gov.my
E-mel : korporat@jpph.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan



NUKILAN KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, Buletin JPPH Edisi 2/2026 berjaya diterbitkan dengan menghimpunkan sorotan aktiviti dan pencapaian Jabatan sepanjang Mei hingga Ogos 2026. Edisi ini merakamkan usaha warga JPPH di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Daerah, NAPIC serta INSPEN dalam memperkukuh perkhidmatan dan mendekati masyarakat.

Antara sorotan edisi ini ialah sambutan Hari JPPH Ke-69 yang bertemakan "Pendigitalan Dibudaya, Perkhidmatan Diperkasa", pelaksanaan inisiatif digital, pengiktirafan kecemerlangan warga serta Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPH. Momen ini memperlihatkan komitmen warga Jabatan untuk terus belajar, bekerjasama dan memberikan perkhidmatan yang bermakna.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pejabat cawangan, penyumbang bahan dan sidang redaksi yang menjayakan penerbitan ini. Semoga buletin ini menjadi rekod bersama dan menyuntik semangat untuk kita terus melakar kecemerlangan JPPH.

Selamat membaca.

Sr Nadila binti Hamidi
Ketua Editor
Buletin JPPH Edisi 2/2026

Aspirasi

KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Saya mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi atas penerbitan Buletin JPPH Edisi 2/2026. Penerbitan ini memperlihatkan usaha dan pencapaian warga JPPH di seluruh negara dalam melaksanakan amanah Jabatan serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.,

Tahun ini, JPPH menyambut ulang tahun ke-69 dengan tema “Pendigitalan Dibudaya, Perkhidmatan Diperkasa”. Tema ini menuntut kita memanfaatkan teknologi secara berkesan, di samping mengekalkan ketelitian, integriti dan pertimbangan profesional dalam setiap tugasan. Pelaksanaan pelbagai inisiatif digital serta pengukuhan kerjasama antara agensi menunjukkan kesediaan warga Jabatan untuk bergerak seiring dengan keperluan semasa.

Saya juga berbesar hati melihat komitmen warga JPPH dalam Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI. Usaha bersama rakan strategik dan komuniti ini membuktikan bahawa sumbangan Jabatan turut memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat. Pada masa yang sama, kejayaan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Jabatan wajar menjadi inspirasi untuk kita terus meningkatkan prestasi.

Terima kasih kepada seluruh warga JPPH atas dedikasi dan semangat kebersamaan yang ditunjukkan. Semoga pencapaian yang dirakamkan dalam buletin ini mendorong kita untuk terus memberikan perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan diyakini.

Sekian, selamat membaca.

YBhg. Dato’ Sr Abdul Razak bin Yusak
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2025

6 Mei 2026, INSPEN - Tahniah diucapkan kepada 151 warga JPPH yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 sebagai pengiktirafan terhadap prestasi kerja cemerlang dan komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Penghargaan turut dizahirkan kepada 36 orang pesara wajib dan pesara pilihan menerusi segmen Jasamu Dikenang sebagai tanda penghormatan atas segala jasa, sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka bersama JPPH.

Dalam majlis yang sama, penghormatan turut diberikan dengan menyantuni waris kepada dua (2) orang warga JPPH yang telah kembali ke rahmatullah ketika masih dalam perkhidmatan. Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan yang beriman.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 dan Jasamu Dikenang yang berlangsung di Dewan Jubli, INSPEN.

























LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (OPERASI) KE JPPH SARAWAK DAN JPPH KUCHING

22 Mei 2026, Kuching - YBrs. Sr Basarudin bin Mohd Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) telah mengadakan lawatan kerja rasmi di JPPH Sarawak serta JPPH Kuching. Kehadiran beliau disantuni oleh Puan Norliza binti Nordin, Pengarah Penilaian Negeri Sarawak, bersama Sr Muhammad Suffian bin Ali, Penilai Daerah KuchAing; Sr Shahril bin Omar, Penilai Daerah Miri; Sr Kevin Anak Nyait, Penilai Daerah Sibu serta seluruh warga kerja JPPH Sarawak dan JPPH Kuching. Beliau yang pernah menjadi Pengarah Penilaian Negeri Sarawak pada tahun 2013 hingga 2017 menjadikan lawatan ini satu detik penuh nostalgia dan simbolik kepada karier beliau.

Selain itu, beliau turut berkongsi hala tuju dan aspirasi jabatan dalam mendepani cabaran semasa dan akan datang, selaras dengan keperluan transformasi perkhidmatan awam. Beliau juga mengingatkan seluruh warga kerja agar terus memainkan peranan secara lebih proaktif, inovatif dan berdaya saing terutamanya penggunaan teknologi kecerdasan buatan (Ai) dalam menyokong agenda kecemerlangan serta kelestarian perkhidmatan jabatan.









MAJLIS PEMETERAIAN KERJASAMA STRATEGIK PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI JPPH

25 Mei 2026, Temerloh - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) hari ini telah berjaya melaksanakan Majlis Pemeteraian Kerjasama Strategik Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPH yang telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Majlis ini turut dihadiri rakan-rakan strategik daripada Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh, Kolej Komuniti Temerloh dan JPKK Kampung Sanggang.

Kemuncak majlis menyaksikan sesi menandatangani perjanjian kerjasama strategik antara JPPH bersama:

- Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh yang diwakili oleh Tuan Haji Mohd Affendey bin Haji Mohd Saad, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Temerloh;
- Kolej Komuniti Temerloh yang diwakili oleh Encik Mohd Ramadan bin Mohd Khalid, Pengarah Kolej Komuniti Temerloh; dan
- JPKK Kampung Sanggang yang diwakili oleh Tuan Haji Hamidin bin Othman, Pengerusi JPKK Kampung Sanggang.

Program ini merupakan platform penting dalam memperkukuh kerjasama strategik antara jabatan, agensi kerajaan dan komuniti setempat ke arah memperkasa pembangunan komuniti serta pendidikan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.
Semoga jalinan kerjasama yang dimeterai ini menjadi pemangkin kepada pelaksanaan program pembangunan komuniti yang lebih berimpak dan mampan demi kesejahteraan rakyat.













PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH KE-89

3 Jun 2026, Bertam - Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ke-89 telah diadakan pada 3 hingga 5 Jun 2026. Persidangan dipengerusikan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Persidangan kali ini menghimpunkan empat mesyuarat utama jabatan iaitu Mesyuarat Pengarah dan Penilai Daerah, Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Pelaksana ePerolehan JPPH Bil. 1/2026, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan JPPH Bil. 1/2026 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1/2026. Turut berlangsung di persidangan kali ini Majlis Pelancaran Sistem SmartFyle LPPSA-JPPH, Sesi Pembentangan & Penyampaian Anugerah Kertas Penyelidikan, Majlis Anugerah Jabatan dan Majlis Makan Malam Sempena Persidangan.

Persidangan ini menjadi medan kolaborasi dan perkongsian ilmu dalam memperkukuh kecemerlangan perkhidmatan penilaian di seluruh negara.













MAJLIS ANUGERAH JABATAN

3 Jun 2026, Bertam – Majlis Anugerah Jabatan telah berlangsung dengan jayanya dan disempurnakan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Penganjuran majlis ini merupakan tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada pejabat-pejabat JPPH yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, komitmen tinggi serta pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2025. Majlis ini turut menjadi platform untuk menyemarakkan budaya kecemerlangan, inovasi dan profesionalisme selaras dengan aspirasi JPPH sebagai peneraju penilaian dan perkhidmatan harta negara.

Senarai Pemenang Anugerah Jabatan 2025:

- **Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

- **Kategori Pejabat Pengarah Penilaian Negeri**
  - Johan – JPPH Selangor
  - Naib Johan – JPPH Sarawak
  - Tempat Ketiga – JPPH Pahang
- **Kategori Pejabat Penilai Daerah**
  - Johan – JPPH Labuan
  - Naib Johan – JPPH Taiping
  - Tempat Ketiga – JPPH Sungai Petani
- **Anugerah Pengarah NAPIC**
  - Peringkat Negeri – NAPIC Perlis
  - Peringkat Daerah – NAPIC Sibu
- **Anugerah Pengarah INSPEN**
  - NAPIC Ibu Pejabat
- **Anugerah Inovasi JPPH**
  - Johan – JPPH Segamat (Peningkatan Visual Pembentangan dalam Format KML (Keyhole Markup Language)
  - Naib Johan – JPPH Ibu Pejabat (Sistem Webmap Semakan Kes Ibu Pejabat JPPH)
  - Tempat Ketiga – JPPH Jempol (SPeL (Sistem Pengurusan Lawat Periksa))
- **Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

  Pasukan perundangan yang mengendalikan kes pertikaian tanah Semantan Estate (1952) Sdn Bhd (Enklaf Duta):
  1. Sr Tan Tat Khuan, Ibu Pejabat
  2. Sr Halimatul Saeidah binti Abdul Ghani, JPPH Johor
  3. Puan Nurzahira binti Umar, INSPEN

Majlis ini mencerminkan komitmen Jabatan dalam menghargai pencapaian serta mengiktiraf kecemerlangan pejabat dan warga JPPH dalam melaksanakan tanggungjawab serta menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti. Pengiktirafan yang diberikan diharapkan dapat terus memperkukuh budaya kecemerlangan, inovasi dan profesionalisme dalam kalangan warga JPPH




















MAJLIS SAMBUTAN HARI JPPH KE-69

16 Jun 2026, INSPEN – Sambutan Hari JPPH Ke-69 berlangsung dengan penuh meriah, menghimpunkan warga JPPH seluruh negara secara hibrid dalam semangat kebersamaan meraikan legasi 69 tahun kecemerlangan jabatan. Majlis yang bertemakan "Pendigitalan Dibudaya, Perkhidmatan Diperkasa" telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Sambutan ini turut menyaksikan pelancaran pelbagai inisiatif strategik termasuk AI Chatbot JPPH, Sistem eFasiliti INSPEN, penerbitan ilmiah jabatan, pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) serta kolaborasi strategik yang menyokong agenda transformasi digital perkhidmatan awam.

Semoga tema sambutan tahun ini terus menjadi pemangkin kepada pembudayaan teknologi digital dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, responsif dan berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat dan negara.













KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA TERIMA DARJAH D.S.P.N YANG MEMBAWA GELARAN DATO'

11 Julai 2026, Pulau Pinang - Istiadat pengurniaan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.), yang membawa gelaran Dato', kepada YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-85 Tuan Yang Terutama. Majlis tersebut telah berlangsung di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.







PERHIMPUNAN WARGA JPPH BERSAMA KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

3 Julai 2026, Putrajaya – Majlis Perhimpunan Warga JPPH bersama Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah dihadiri oleh warga JPPH seluruh negara secara hibrid. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, sebagai platform penyampaian amanat kepimpinan serta memperkukuh hala tuju organisasi bagi menghadapi cabaran dan peluang pada separuh kedua tahun ini.

Turut dikongsikan pencapaian strategik JPPH bagi separuh pertama tahun 2026, termasuk pemerkasaan transformasi digital, inisiatif penyampaian perkhidmatan serta pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPH. Majlis turut menyaksikan Go-Live PRISM 2.0 Pembangunan Fasa 2, diikuti penyampaian Sijil Penghargaan kepada pasukan yang terlibat dalam pembangunan sistem tersebut. Selain itu, Ahli Pasukan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Tahun 2025 turut diraikan atas pengiktirafan sebagai Projek Berpotensi Tinggi di peringkat Kementerian Kewangan melalui sistem e-Data.

Dengan semangat T.E.K.A.D, JPPH terus melangkah dengan iltizam yang jitu untuk kekal sebagai "Peneraju Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negara" yang unggul, diyakini dan berwibawa.











MAJLIS PERASMIAN PEJABAT BAHARU JPPH GOMBAK

17 Julai 2026, Gombak - YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pejabat Baharu JPPH Gombak pada hari ini. Turut hadir ialah Sr Mohd Rizal bin Mawi, Penilai Daerah JPPH Gombak yang mengetuai penyelarasan perpindahan dan pengoperasian pejabat baharu bersama warga JPPH Gombak.

Perasmian ini merupakan langkah penting dalam usaha memperkukuh penyampaian perkhidmatan JPPH melalui penyediaan persekitaran kerja yang lebih kondusif, moden dan efisien. Dalam ucapan beliau, YBhg. Dato' Ketua Pengarah merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam projek pengubahsuaian dan perpindahan pejabat, khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Gombak, JKR Negeri Selangor, pihak kontraktor serta pihak-pihak berkaitan.

Semoga pejabat baharu ini menjadi pemangkin kepada semangat dan iltizam baharu seluruh warga JPPH Gombak dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta yang profesional, berintegriti dan diyakini.



KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (HASiL) KEPADA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

20 Julai 2026, Putrajaya - YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menerima kunjungan hormat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Khairul Halimin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian).

Turut hadir ialah Puan Rosnita Ahmad, Ketua Pegawai Dasar Percukaian, Ts. Ahmad Sauqi Ishak, Pengarah Jabatan Digital serta Encik Shafudin Yacob, Pengarah Jabatan Operasi Setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2027.

Dalam sesi tersebut, HASiL menjelaskan bahawa pelaksanaan STSDS tidak menjejaskan peranan dan prosedur penilaian semasa JPPH. HASiL akan terus mendapatkan perkhidmatan penilaian daripada JPPH bagi membantu penentuan nilai harta untuk tujuan duti setem serta mengurangkan risiko ketirisan hasil.

Sehubungan itu, prosedur sedia ada dikekalkan, iaitu permohonan yang memerlukan penentuan nilai harta bagi tujuan pengenaan duti setem akan terus dirujuk kepada JPPH untuk penilaian.

Kunjungan hormat ini mencerminkan komitmen berterusan JPPH dan HASiL dalam memperkukuh kerjasama strategik antara kedua-dua agensi, sekali gus menyokong penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, telus dan berintegriti.



KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PR1MA MALAYSIA (PR1MA) KEPADA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

20 Julai 2026, Putrajaya - YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menerima kunjungan hormat daripada Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang diketuai oleh YBrs. Ts. Brian Iskandar Zulkarim, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA.





Turut hadir ialah Encik Syed Zulkifli bin Syed Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan PR1MA, Puan Chairosafinaz binti Mokhtar, Penolong Pengurus Besar Perhubungan Pihak Berkepentingan serta Puan Ida Azrina binti Mazlan, Ketua Jabatan Pengurusan Pembangunan. Kunjungan hormat ini menjadi platform untuk mempererat kerjasama dan memperkukuh sinergi antara kedua-dua agensi dalam menyokong agenda pembangunan negara serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

INISIATIF KAMPUNG ANGKAT MADANI JPPH PERKASA KOMUNITI, JANA EKONOMI SETEMPAT MELALUI LATIHAN KEMAHIRAN

20 Julai 2026, Temerloh - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) meneruskan komitmen memperkasa komuniti menerusi inisiatif Kampung Angkat MADANI JPPH dengan menganjurkan Program Latihan Kemahiran Komuniti di Kampung Sanggang, Temerloh.

Seramai 20 orang peserta telah mengikuti Kursus Kemahiran Pembuatan Makanan Sejuk Beku (Frozen) yang dikendalikan oleh Puan Norhalimaton Saadiah binti Awang Mohamad, Usahawan RISDA. Melalui sesi teori dan amali, peserta mempelajari teknik penyediaan kuih-muih tradisional yang berpotensi untuk dikomersialkan sebagai sumber pendapatan tambahan.

Program ini mencerminkan komitmen JPPH dalam memperkukuh pembangunan modal insan, menggalakkan keusahawanan komuniti serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pelaksanaan program berimpak tinggi yang selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.













INISIATIF KAMPUNG ANGKAT MADANI JPPH PERKASA KOMUNITI, JANA EKONOMI SETEMPAT MELALUI KURSUS DEKORASI HAMPER DAN BALLOON BOUQUET

27 Julai 2026, Temerloh - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) meneruskan komitmen memperkasa komuniti menerusi Inisiatif Kampung Angkat MADANI JPPH dengan menganjurkan Kursus Dekorasi Hamper dan Balloon Bouquet di Kampung Sanggang, Temerloh.

Seramai 20 orang peserta telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh Puan Norazura binti Mohamad Nor, usahawan Zuera Sufiya Florist. Melalui sesi teori dan amali, para peserta didedahkan dengan teknik menghasilkan gubahan hamper dan balloon bouquet yang kreatif, menarik serta mempunyai nilai komersial.

Program ini memberi peluang kepada peserta memperoleh kemahiran baharu yang berpotensi dijadikan sumber pendapatan tambahan, di samping menyokong pembangunan keusahawanan komuniti. Inisiatif ini turut mencerminkan komitmen JPPH dalam memperkukuh pembangunan modal insan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.






LAWATAN KERJA RASMI KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA KE JPPH KLANG

4 Ogos 2026, Klang - YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke JPPH Klang bagi bertemu dan menyampaikan amanat kepada warga JPPH Klang. Kehadiran beliau telah disantuni oleh YBrs. Sr Maznah binti Ngah, Pengarah Penilaian Negeri Selangor, Puan Norazila binti Salleh, Penilai Daerah JPPH Klang serta seluruh warga kerja JPPH Klang.

Dalam amanat yang disampaikan, beliau menekankan kepentingan mengekalkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan melalui pembudayaan budaya kerja berprestasi tinggi, pematuhan kepada prinsip tadbir urus yang baik, pengukuhan integriti serta penghasilan penilaian berkualiti berteraskan falsafah kerja "TEKAD".

Selain itu, Ketua Pengarah turut menjelaskan peranan strategik JPPH dalam menyokong pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) oleh HASiL serta mengingatkan agar pelaksanaan Hari Bekerja Hibrid tidak menjejaskan produktiviti, kecekapan penyampaian perkhidmatan dan komitmen warga JPPH dalam memenuhi keperluan pelanggan.

Mengakhiri amanatnya, beliau menyeru seluruh warga JPPH Klang agar terus memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi, profesionalisme, kebersamaan dan integriti dalam melaksanakan amanah, sekali gus memastikan JPPH terus menjadi agensi penilaian yang diyakini oleh kerajaan, rakyat dan semua pemegang taruh.





INISIATIF KAMPUNG ANGKAT MADANI JPPH PERKASA KOMUNITI, JANA EKONOMI SETEMPAT MELALUI LATIHAN KEMAHIRAN

11 Ogos 2026, Temerloh – Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) meneruskan komitmen memperkasa komuniti menerusi inisiatif Kampung Angkat MADANI JPPH dengan menganjurkan Program Latihan Kemahiran Komuniti di Kampung Sanggang, Temerloh.

Seramai 20 orang peserta mengikuti Kursus Kemahiran Penghasilan Produk Bakeri yang dikendalikan oleh Puan Norhalimaton Saadiah binti Awang Mohamad, Usahawan RISDA. Melalui sesi teori dan amali, peserta mempelajari teknik penyediaan roti dan bun yang berpotensi untuk dikomersialkan sebagai sumber pendapatan tambahan. Program ini mencerminkan komitmen JPPH dalam memperkukuh pembangunan modal insan, menggalakkan keusahawanan komuniti serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.






PEMERKASAAN KEMUDAHAN KOMUNITI MELALUI KERJASAMA TVET

18 Ogos 2026, Temerloh – Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) terus memperkasa komuniti Kampung Sanggang, Temerloh melalui kerjasama strategik bersama Kolej Komuniti Temerloh dalam penambahbaikan kemudahan serta prasarana komuniti berasaskan kepakaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Melalui kerjasama ini, pelajar Kolej Komuniti Temerloh turut turun padang bersama komuniti setempat bagi mengaplikasikan kemahiran teknikal menerusi projek-projek TVET yang telah diluluskan. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk penyelenggaraan dan pemasangan sistem penghawa dingin, di samping kerja-kerja persediaan mengecat Dewan Serbaguna Kampung Sanggang seperti mencuci dinding menggunakan kaedah water jet serta membersihkan kawasan sekitar dewan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen JPPH dalam memanfaatkan kepakaran TVET, memperkukuh pembangunan modal insan serta menaik taraf kemudahan komuniti demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.








PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI JPPH 2026

23 Ogos 2026, Temerloh – Tiga hari penuh bermakna menyaksikan warga Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bersama komuniti Kampung Sanggang dalam menjayakan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) dan Sekolah Angkat MADANI (SAM) JPPH 2026.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan, antaranya gotong-royong dan rewang rakyat, Ceramah Perdana, Sukan Rakyat, Fun Run serta kenduri rakyat, yang mendapat sambutan dan penyertaan penuh semangat daripada komuniti setempat. Program ini turut memperkukuh hubungan antara JPPH dan masyarakat melalui semangat kebersamaan, kesukarelawanan dan muafakat.

Kemuncak program menyaksikan Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPH 2026 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Majlis turut mendapat sokongan rakan strategik JPPH, termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh, Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh, Kolej Komuniti Temerloh, Sekolah Kebangsaan Sanggang serta JPKK Kampung Sanggang. Jalinan strategik ini mencerminkan pendekatan seluruh komuniti dalam memastikan pelaksanaan KAM dan SAM memberi manfaat yang nyata dan berterusan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Malaysia MADANI, Kesejahteraan Dinikmati.



















BAHAGIAN LOJI, JENTERA DAN PERALATAN

21 dan 22 Mei 2026, Kota Kinabalu, Sabah – Pengarah dan Penolong Pengarah Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan, Ibu Pejabat telah menghadiri mesyuarat verifikasi berkaitan penyelesaian komersial bagi kontrak penyelenggaraan kapal selam KD Tun Razak dan KD Tunku Abdul Rahman di Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS), Teluk Sepanggar, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat turut disertai Pasukan Taskforce JPPH Negeri Sabah yang terdiri daripada pegawai JPPH Kota Kinabalu dan JPPH Tawau.







25 Mei 2026, Putrajaya – Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan telah menghadiri mesyuarat bersama pihak FGV Holdings Berhad di Bilik Mesyuarat Teknikal, JPPH Ibu Pejabat bagi membincangkan penilaian Kilang Memproses Minyak Kelapa Sawit Asian Plantations Milling (APM) Sdn. Bhd. di Miri, Sarawak. Penilaian tersebut meliputi tanah, bangunan, loji, jentera dan peralatan bagi tujuan penjualan. Mesyuarat turut dihadiri oleh pegawai daripada Bahagian Perundingan Harta, Ibu Pejabat.

30 Jun 2026 - Pegawai dari Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan, Ibu Pejabat telah mengadakan satu sesi lawatan ke JPPH Melaka bagi semakan kualiti kes penilaian loji, jentera dan peralatan cawangan yang di bawah hadkuasa melapor cawangan. Lawatan ini telah disantuni oleh Pengarah Penilaian Negeri Melaka, Penilai Daerah dan pegawai daripada JPPH Melaka.









11 Ogos 2026 – Pegawai Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan, Ibu Pejabat telah menghadiri sesi taklimat dan lawat periksa awalan bagi kilang penapisan minyak sawit milik FGV IFFCO Sdn. Bhd. di Pendamaran Industrial Estate, Pelabuhan Klang, Selangor. Sesi tersebut turut disertai oleh pegawai dari JPPH Bangi dan JPPH Klang.

26–28 Ogos 2026 – Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan telah diminta oleh FGV IFFCO Sdn. Bhd. untuk menjalankan penilaian loji, jentera dan peralatan bagi kilang penapisan minyak sawit untuk tujuan pembelian. Lawat periksa dan penilaian telah dilaksanakan bersama beberapa pegawai daripada pasukan task force Cawangan Lembah Klang.







BAHAGIAN PENSWASTAAN DAN PELABURAN STRATEGIK

5–8 Julai 2026 – Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Strategik telah mengadakan Konvensyen Teknikal Penilaian Pajakan 2026 bertempat di Avillion Cameron Highlands Hotel, Cameron Highlands. Konvensyen ini melibatkan pegawai penilaian terpilih bagi meningkatkan kefahaman teknikal berkaitan prinsip dan pendekatan penilaian harta bagi maksud pajakan, di samping memberi pendedahan kepada garis panduan, dasar semasa dan kerangka perundangan berkaitan pajakan. Program ini turut menjadi platform perbincangan isu semasa, perkongsian pengalaman dan amalan terbaik antara penilai dari seluruh negara.



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN STANDARD AMALAN

18 Mei 2026, Putrajaya – Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2026–2030 telah diadakan di Ibu Pejabat JPPH dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Mesyuarat turut dihadiri oleh barisan pengurusan kanan JPPH serta Ketua Pelaksana dan wakil pelaksana inisiatif strategik bagi meneliti status pelaksanaan, menentukan hala tuju serta merancang pelaksanaan setiap inisiatif strategik PSJ 2026–2030.









3 Julai 2026, Putrajaya – Mesyuarat Jawatankuasa Geographic Information System (GIS) telah diadakan di Ibu Pejabat JPPH dan dipengerusikan oleh YBrs. Sr Lee Tong Bian, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Mesyuarat ini membincangkan hala tuju pelaksanaan, penambahbaikan serta penyelarasan penggunaan sistem GIS di JPPH bagi memperkukuh keberkesanan fungsi penilaian dan perkhidmatan harta secara strategik dan bersepadu.

28 Ogos 2026, Putrajaya – Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal e-NILAIAN antara Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Ibu Pejabat. Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh YBrs. Sr Lee Tong Bian, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), mewakili JPPH, dan Encik Samsudin bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), mewakili MYSA. Mesyuarat membincangkan status pelaksanaan projek e-NILAIAN, isu-isu berkaitan serta tindakan susulan, termasuk pembentangan status pelaksanaan oleh JPPH Selangor dan MYSA.





BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

13–15 Mei 2026, Labuan – Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM), Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengadakan Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) di Wilayah Persekutuan Labuan, yang diketuai oleh Puan Farashafina binti Saipollah, Timbalan Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan.





19 Mei 2026, Putrajaya – Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 2/2026 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat JPPH dan dipengerusikan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh barisan pengurusan JPPH yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan serta Pengarah INSPEN. Wakil kumpulan pekerja daripada pelbagai kesatuan dan persatuan yang mewakili skim perkhidmatan di JPPH turut hadir bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan, kebajikan dan kepentingan warga kerja. Mesyuarat ini menjadi platform bagi memperkukuh kerjasama serta komunikasi dua hala antara pihak pengurusan dan kumpulan pekerja dalam usaha meningkatkan kesejahteraan serta keberkesanan perkhidmatan di JPPH.

18–19 Jun 2026 – Bengkel Pengurusan Persaraan: Tatacara Pemprosesan Persaraan Melalui HRMIS dan KWAP telah dianjurkan bagi memantapkan kompetensi serta kefahaman pegawai sumber manusia dalam mengendalikan urusan persaraan. Program ini memberi fokus kepada penggunaan Modul Persaraan HRMIS, tatacara pemprosesan serta pengurusan dokumen berkaitan persaraan dengan kerjasama pihak KWAP. Bengkel ini turut menjadi platform perkongsian pengetahuan dan amalan pengurusan yang tepat bagi memastikan proses persaraan pegawai dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan lancar.





22–23 Julai 2026, INSPEN – Program Basic Occupational First Aid, CPR & AED Training telah dilaksanakan di Dewan Rafflesia, Sasana Ilmu, INSPEN dengan penyertaan seramai 30 orang ahli Emergency Response Team (ERT). Program ini merangkumi sesi teori, demonstrasi dan latihan amali bagi meningkatkan kompetensi peserta dalam mengendalikan situasi kecemasan di tempat kerja serta memenuhi kriteria pentauliahan ahli ERT sebagai First Aider yang kompeten. Penganjuran program ini turut menyokong pematuhan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Ibu Pejabat JPPH bagi memperkukuh tahap kesediaan dan kecekapan warga kerja dalam menghadapi insiden kecemasan secara teratur, selamat dan berkesan.

11 Ogos 2026 – Program Kenegaraan Malaysia MADANI: Aku Kasih Malaysia telah dilaksanakan secara hibrid dengan penyertaan seramai 474 orang warga jabatan melalui kolaborasi bersama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM). Program ini bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme, memupuk rasa cinta akan tanah air serta memperkukuh penghayatan dan penerapan nilai-nilai Malaysia MADANI dalam kalangan warga jabatan.



SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1–4 Mei 2026 – Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Induk Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) JPPH Siri 2 di Hotel Zenith, Cameron Highlands, Pahang. Bengkel ini melibatkan Ahli Jawatankuasa Pelan Induk PKP dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada penceramah ILKEM dan CGSO bagi membangunkan Pelan Induk PKP JPPH secara holistik, khususnya dalam memastikan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan sekiranya berlaku gangguan serta membolehkan pemulihan perkhidmatan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.







20–21 Mei 2026 – Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor telah mengadakan Bengkel Pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) JPPH di INSPEN. Bengkel ini melibatkan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Ibu Pejabat JPPH dengan bimbingan daripada penceramah JKKP Selangor bagi memurnikan Garis Panduan Pelaksanaan KKP JPPH selaras dengan peraturan dan perundangan semasa serta memperkukuh tadbir urus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di JPPH.

19–20 Ogos 2026 – Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan telah mengadakan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail sebagai Prasyarat Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0) di JPPH Negeri Perlis. Bengkel ini melibatkan pegawai JPPH Negeri Perlis dengan penceramah undangan dari Arkib Negara Malaysia bagi membangunkan Sistem Klasifikasi Fail untuk Urusan Am dan Urusan Fungsian, selaras dengan hasrat JPPH untuk memperluas penggunaan DDMS 2.0 di seluruh pejabat cawangan serta memastikan pengurusan rekod dilaksanakan secara elektronik dengan lebih sistematik dan berkesan.



26–28 Ogos 2026 – Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan telah mengadakan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail sebagai Prasyarat Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0) di JPPH Negeri Sembilan. Bengkel ini melibatkan pegawai dari JPPH Jempol dan JPPH Negeri Sembilan dengan penceramah undangan dari Arkib Negara Malaysia bagi membangunkan Sistem Klasifikasi Fail untuk Urusan Am dan Urusan Fungsian, selaras dengan hasrat JPPH untuk memperluas penggunaan DDMS 2.0 di seluruh pejabat cawangan serta memastikan pengurusan rekod dilaksanakan secara elektronik dengan lebih berkesan dan sistematik.



UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

3 Julai 2026, Putrajaya – Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Khidmat Pengurusan JPPH telah menganjurkan Program Recharge Minda dan Detoks Emosi bertempat di Bilik Terapi dan ruang legar Unit Pengurusan Psikologi. Program berbentuk santai dan informal ini terbuka kepada semua warga JPPH yang berkelapangan sebagai ruang untuk merehatkan minda dan melegakan tekanan melalui aktiviti Destress Friday. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Puan Saidatul Hizam binti Abdul Manaf, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan JPPH, serta menjadi salah satu inisiatif dalam membudayakan keseronokan bekerja dalam kalangan warga JPPH.







28 Julai 2026 – Unit Pengurusan Psikologi telah menganjurkan Program Self-Care: Recharge dan Reset yang disampaikan oleh Dr. Naniyati binti Shuib, Pegawai Psikologi Klinikal Hospital Cyberjaya. Program yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Ibu Pejabat JPPH ini telah disertai seramai 40 orang peserta dan turut diserikan dengan kehadiran Puan Saidatul Hizam binti Abdul Manaf, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan JPPH. Program ini memberi fokus kepada persediaan mental warga kerja dalam meningkatkan produktiviti serta menjadi inisiatif sokongan psikologi bagi membantu warga JPPH mengekalkan keseimbangan emosi demi kecemerlangan prestasi jabatan.

INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

12 Mei 2026, Kuala Lumpur – Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah berjaya menganjurkan International Real Estate Research Symposium (IRERS) 2026 pada 12 hingga 13 Mei 2026 di World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kewangan dan dihadiri kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada profesional serta ahli akademik industri harta tanah dari dalam dan luar negara. Bertemakan "Reshaping Real Estate: Innovations and Inclusivity in a Digital World", simposium ini menjadi platform perkongsian ilmu, pembentangan hasil penyelidikan dan pengukuhan jaringan kerjasama global. Penganjuran IRERS 2026 membuktikan komitmen berterusan INSPEN dan JPPH dalam memperkasa penyelidikan, inovasi serta kolaborasi strategik demi pembangunan sektor harta tanah negara.









22 Mei 2026, INSPEN– Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan INSPEN kali ketiga bagi tahun 2026 di Dewan Nusantara, INSPEN. Majlis yang dihadiri oleh YBrs. Sr Rosliza binti Ramli, Pengarah INSPEN, barisan pengurusan dan lebih 100 warga INSPEN ini menjadi platform untuk menyampaikan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur International Real Estate Research Symposium (IRERS) 2026 atas kejayaan penganjurannya. Turut diadakan ialah sesi pengenalan pegawai baharu, penyampaian penghargaan Best Reader of the Month, sumbangan anak cemerlang SPM 2025 daripada KESUPEN INSPEN serta penyampaian hadiah kepada pemenang program Jom Baca Bersama 10 Minit: Membaca Sambil Berkostum, sekali gus memperkukuh semangat kebersamaan dan kerjasama dalam kalangan warga INSPEN.

24 Jun 2026 – Pusat Pembangunan Profesional (PPP), Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah berjaya menganjurkan program Continuing Professional Development (CPD) bertajuk "Money Laundering in Real Estate Sector" di Dewan Jubli, INSPEN. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan daripada pelbagai pengamal dalam bidang harta tanah. Melalui empat sesi perkongsian yang disampaikan oleh wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan pengamal industri, peserta telah didedahkan dengan pengetahuan mengenai amalan pengubahan wang haram, keperluan pematuhan serta isu dan cabaran dalam sektor harta tanah. Program ini diharap dapat memperkukuh integriti, profesionalisme dan pematuhan dalam kalangan pengamal industri harta tanah negara.







29 Jun 2026 – Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah menerima Lawatan Kerja Rasmi YBrs. Sr Basarudin bin Mohd. Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi). Lawatan tersebut turut diserikan dengan sesi perkongsian pengalaman beliau sepanjang perkhidmatan, khususnya ketika menerajui INSPEN sebagai Ketua Pembangunan, Penyelidikan dan Kepakaran pada tahun 2017. Program diteruskan dengan majlis menandatangani Buku Pelawat di Galeria Abadi serta simbolik penanaman pokok Bidara yang dinamakan "Bidara Basarudin" sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan beliau kepada INSPEN.

20 Julai 2026 – Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Firma-Firma Akauntan Bertauliah Melayu Malaysia (AMCAF) di Bilik Mesyuarat Baginda Lounge, INSPEN. Kunjungan yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Nasri bin Ismail, Presiden AMCAF, telah disambut oleh YBrs. Sr Rosliza binti Ramli, Pengarah INSPEN serta barisan pengurusan INSPEN. Sesi ini bertujuan membincangkan potensi penggunaan fasiliti INSPEN bagi program anjuran AMCAF, kemudahan yang ditawarkan serta peluang kerjasama dalam penganjuran latihan dan perkongsian kepakaran dalam bidang penilaian, perakaunan dan harta tanah.







3 Ogos 2026 – INSPEN telah berkongsi maklumat mengenai Program Sijil Harta Tanah melalui sesi temu bual di Radio IKIMfm yang disampaikan oleh YBrs. Sr Rosliza binti Ramli, Pengarah INSPEN. Sesi ini menerangkan peluang pengajian sepenuh masa di INSPEN termasuk kemudahan penginapan percuma, bantuan makan sebanyak RM20 sehari serta yuran pengajian yang berpatutan bagi program Sijil Penilaian Harta Tanah, Sijil Pengurusan Harta Tanah dan Sijil Agensi Harta Tanah. Selain itu, INSPEN turut menawarkan Sijil Agensi Harta Tanah (CEA) dan Certified Property Management Programme (CPMP) kepada golongan profesional. Sesi perkongsian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada lepasan SPM dan golongan profesional mengenai peluang pendidikan serta kerjaya dalam bidang harta tanah.





10–12 Ogos 2026 – Pusat Akademik INSPEN telah menganjurkan Bengkel Sahsiah Diri dan Kerjaya 2026 Siri 2 yang disertai seramai 38 orang pelajar sesi Akademik 2025/2026. Program selama tiga hari ini bertujuan mempersiapkan pelajar sebelum melangkah ke alam kerjaya melalui pengisian seperti Personal Branding dan imej profesional, taklimat laluan akademik serta slot Real World Experience yang merangkumi sesi Mock Interview bersama panel industri harta tanah. Program ini diharap dapat meningkatkan keyakinan, kemahiran dan pengetahuan pelajar sebagai persediaan untuk menceburi bidang harta tanah.





13 Ogos 2026 – INSPEN telah dijemput untuk membuka reruai sempena Fiesta Semarak Shahbandaraya 2026 anjuran SMK Shahbandaraya, Klang. Penyertaan ini memberi peluang kepada para pelajar, khususnya pelajar Tingkatan 5, mendapatkan maklumat berkaitan hala tuju kerjaya, pilihan institusi pengajian tinggi serta peluang pendidikan dan kerjaya dalam bidang harta tanah. Program yang turut disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta ini diharap dapat menyemai minat pelajar untuk mengenali bidang harta tanah dengan lebih dekat serta meneroka potensi kerjaya dalam industri tersebut.

17 Ogos 2026 – Pusat Penyelidikan dan Inovasi INSPEN telah menganjurkan Seminar Penyelidikan JPPH Ke-17 dan Majlis Apresiasi Research Intern Tahun 2026 bertempat di Dewan Nusantara, INSPEN. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta serta turut dihadiri oleh barisan pengurusan JPPH dan INSPEN. Sebanyak tujuh kertas kajian telah dibentangkan oleh pegawai JPPH dan INSPEN, manakala enam orang Research Intern turut diraikan atas kejayaan menyiapkan tiga kertas penyelidikan bagi tempoh 2022 hingga 2025. Seminar ini menjadi platform perkongsian hasil penyelidikan dan pengetahuan dalam bidang harta tanah, di samping menggalakkan budaya penyelidikan serta inovasi dalam kalangan warga JPPH dan INSPEN.



ZON TENGAH

SELANGOR/SHAH ALAM

22 Mei, 19 Jun, 31 Julai dan 28 Ogos 2026, Shah Alam – Persatuan Kakitangan Islam Penilaian (PEKIP) JPPH Shah Alam telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil sebagai wadah untuk memupuk penghayatan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga JPPH. Majlis ini turut diadakan bagi mendoakan kesejahteraan, keselamatan dan keberkatan seluruh warga organisasi, di samping menghadiahkan bacaan doa dan tahlil kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah.









24 – 26 Jun 2026, Shah Alam - KESUPEN Shah Alam telah mengadakan program Sukan Dalaman 2026 bertempat di JPPH Shah Alam yang dirasmikan oleh YBrs. Sr Kartini binti Nordin, Pengarah Penilaian Negeri Selangor. Antara permainan yang dipertandingkan ialah sukan bowling, ping-pong, dart, chapteh, teng-teng, dam haji, batu seremban dan congkak.

28 Julai 2026, Klang – PUSPANITA JPPH Shah Alam/Selangor telah mengadakan kunjungan rasmi ke Istana Alam Shah dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang. Kunjungan ini diketuai oleh Sr Satinah binti Safirol, Ketua Penolong Pengarah Penilaian Negeri JPPH Selangor merangkap Naib Pengerusi PUSPANITA JPPH Shah Alam/Selangor serta disertai oleh ahli Kelab PUSPANITA.







20 Ogos 2026, Shah Alam – PUSPANITA JPPH Shah Alam/Selangor telah menganjurkan aktiviti Treasure Hunt dan Teka Silang Kata sempena Bulan Kemerdekaan. Aktiviti ini telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Maznah binti Ngah, Pengarah Penilaian Negeri Selangor, bersama Sr Satinah binti Safirol, Ketua Penolong Pengarah Penilaian Negeri JPPH Selangor, serta disertai oleh ahli Kelab PUSPANITA. Aktiviti ini bertujuan memupuk semangat patriotisme di samping mengeratkan hubungan dan semangat kerjasama dalam kalangan ahli.

BANDAR BARU BANGI

18 Mei 2026, Bandar Baru Bangi – Kelab KESUPEN JPPH Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Program Senaman Pagi di Tingkat 3, Bandar Baru Bangi. Program yang diadakan secara berkala pada setiap hari Isnin dan Jumaat ini bertujuan menggalakkan warga jabatan mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti senaman, di samping meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan warga kerja.









22 Mei 2026, Bandar Baru Bangi – Kelab PEKIP JPPH Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Bilik Kenanga, Tingkat 1, Bandar Baru Bangi. Program ini diadakan bagi memohon keberkatan, kesejahteraan dan kelancaran dalam urusan harian, di samping memperkukuh nilai kerohanian, ukhuwah serta semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja.

26 Jun 2026 – Kelab KESUPEN JPPH Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Program Brisk Walk di Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi. Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta melahirkan warga kerja yang cergas, berstamina dan kekal produktif dalam melaksanakan tugas, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga jabatan.









9 Julai 2026, Bandar Baru Bangi – Kelab PEKIP JPPH Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Program Agihan Bubur Asyura kepada seluruh warga kerja sempena bulan Muharam 1448H. Program ini diadakan sebagai usaha mengeratkan ukhuwah serta menggalakkan amalan berkongsi rezeki dalam kalangan warga kerja sempena bulan Muharam yang penuh keberkatan.

31 Julai 2026, Bandar Baru Bangi – Kelab KESUPEN JPPH Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi sempena perpindahan Encik Zakariya bin Nayan ke JPPH Negeri Melaka setelah dilantik sebagai Pengarah Penilaian Negeri Melaka. Majlis berlangsung dengan penuh meriah dan turut dihadiri oleh seluruh warga kerja Bandar Baru Bangi sebagai tanda penghargaan dan ucapan selamat maju jaya atas perkhidmatan serta sumbangan beliau.



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

15 Mei 2026, Kuala Lumpur – PEKIP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan majlis bacaan Surah Yasin dan tahlil secara bulanan di Surau Tingkat 1, Pejabat JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Majlis yang dipimpin oleh Encik Muhammad Roslin bin Soebah, AJK Biro Surau PEKIP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini bertujuan memupuk penghayatan rohani serta mengeratkan silaturahim, semangat kebersamaan dan kesedaran dalam kalangan warga kerja.









19 Jun 2026, Kuala Lumpur – YBrs. Sr Haji Basarudin bin Mohd Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke JPPH Wilayah Persekutuan dan JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ketibaan beliau telah disantuni oleh Sr Eng Lin Sin, Penilai Daerah JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama warga kerja kedua-dua pejabat. Dalam sesi tersebut, beliau menyampaikan amanat agar warga kerja melaksanakan tugas hakiki dengan penuh komitmen dan profesional, di samping berkongsi hala tuju strategik jabatan yang memberi penekanan kepada pemantapan kualiti penyampaian perkhidmatan, pendigitalan proses kerja dan pengukuhan budaya integriti dalam perkhidmatan serta penilaian harta.

12 Ogos 2026, Kuala Lumpur – JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan Lawatan Teknikal ke Menara Merdeka Maybank (Merdeka 118) yang diketuai oleh Sr Eng Lin Sin, Penilai Daerah Kuala Lumpur dan disertai seramai 40 orang kakitangan. Lawatan ini turut disertai taklimat berkaitan bangunan mega tersebut oleh Sr Diyanah Zukiman, Manager Leasing (Commercial Office), PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. serta taklimat mengenai latar belakang JPPH, NAPIC dan INSPEN yang disampaikan oleh Sr Kamarul Hisyam bin Sebri, Penolong Penilai Daerah JPPH WPKL. Program ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep, pengoperasian dan pengiktirafan bangunan mega serta prospek pasaran harta tanah Menara Merdeka 118, di samping menggalakkan perkongsian ilmu dan mengeratkan hubungan profesional antara JPPH WPKL dengan PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd.





24 Ogos 2026, Kuala Lumpur – JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) yang diketuai oleh YBrs. Sr. Aina Edayu binti Ahmad, Pengarah Penilaian Negeri bersama delegasi seramai 10 orang. Kunjungan tersebut telah disambut oleh YBhg. Datin Paduka Rahilah binti Rahmat bersama pegawai-pegawai PPTGWP dan bertujuan mengukuhkan hubungan kerjasama strategik serta membincangkan perkara berkepentingan bersama bagi menyokong penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.













4 September 2026, Kuala Lumpur – YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi bertemu dan menyampaikan amanat kepada warga kerja. Kehadiran beliau telah disantuni oleh YBrs. Sr Aina Edayu binti Ahmad, Pengarah Penilaian Negeri Wilayah Persekutuan, Sr Eng Lin Sin, Penilai Daerah JPPH WPKL serta seluruh warga kerja JPPH WPKL. Dalam amanatnya, beliau menekankan kepentingan budaya kerja berprestasi tinggi, tadbir urus yang baik, pengukuhan integriti serta penghasilan penilaian berkualiti berteraskan falsafah kerja "TEKAD", di samping menjelaskan peranan strategik JPPH dalam menyokong pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) oleh HASiL.

4–6 September 2026, Kuala Lumpur – JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menyertai Pameran Hartanah Malaysia (MAPEX) 2026 anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) di Mid Valley Exhibition Centre (MVEC), Kuala Lumpur dengan turut disertai wakil Institut Penilaian Negara (INSPEN). Sepanjang pameran, petugas JPPH KL memberikan khidmat nasihat kepada pengunjung berkaitan harga pasaran harta tanah melalui Data Transaksi Terbuka dan produk NAPIC yang diterbitkan secara dalam talian, selain mengadakan kuiz untuk pengunjung. Wakil INSPEN pula memberikan penerangan mengenai kursus persijilan yang ditawarkan. Program berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam.





WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

29 Jun 2026, Labuan – JPPH Wilayah Persekutuan Labuan telah melaksanakan Program Ceramah "Pemakanan Sihat" dan Sesi Saringan Kesihatan Asas dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan. Ceramah yang disampaikan oleh Puan Ariannie Charles dari Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia memberi perkongsian mengenai amalan pemakanan dan gaya hidup sihat, manakala sesi saringan kesihatan asas serta konsultasi percuma turut disediakan oleh pasukan perubatan bertauliah Jabatan Kesihatan kepada warga kerja.













15 Ogos 2026, Labuan – JPPH Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Program Hari Keluarga 2026 di Pantai Pancur Hitam, Kampung Batu Manikar. Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan warga kerja serta ahli keluarga melalui pelbagai aktiviti seperti senamrobik, sukaneka kanak-kanak dan bowling kelapa. Program turut diakhiri dengan penyampaian hadiah saguhati kepada kakitangan serta aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sebagai usaha memupuk semangat kebersamaan dan tanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran.

ZON SELATAN

JOHOR/JOHOR BAHRU

26 Jun 2026, Seremban – JPPH Johor telah menerima jemputan daripada JPPH Negeri Sembilan untuk menyertai Perlawanan Persahabatan Bola Tampar 3 Penjuru Zon Selatan yang melibatkan JPPH Melaka, JPPH Negeri Sembilan dan JPPH Johor di Gelanggang Tertutup, Kompleks Sukan Negeri Paroi. JPPH Johor telah muncul sebagai juara keseluruhan pertandingan tersebut.







8 Julai 2026, Kempas – KESUPEN JPPH Johor Bahru melalui Ketua Setiausaha Sukan telah menerima jemputan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk menyertai perlawanan persahabatan bola sepak di Padang Kempas Awana. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan silaturahim dan hubungan kerjasama antara jabatan.

17 Julai 2026, Johor Bahru – Majlis Doa Selamat, Tahlil dan Yasin telah diadakan bagi mendoakan kesejahteraan serta keselamatan warga kerja JPPH Johor. Majlis bacaan telah diketuai oleh Encik Sah Hardi bin Yatimin.









24 Julai 2026, Johor Bahru – Perhimpunan Bulanan JPPH Negeri Johor 2026 telah diadakan di Dewan Mustika dan secara dalam talian dengan penyertaan semua warga JPPH Negeri Johor dan JPPH Johor Bahru, serta warga cawangan JPPH Johor. Perhimpunan ini menjadi platform penyampaian amanat dan maklumat semasa kepada warga jabatan.

26 Ogos 2025, Johor Bahru – JPPH Negeri Johor telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, yang diketuai oleh YBrs. Encik Yusneta bin Idon, Pengarah Penilaian Negeri Johor. Kunjungan ini bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan baharu JPPH Negeri Johor serta berkongsi fungsi dan peranan jabatan, di samping memperkukuh hubungan kerjasama bagi menyokong kelancaran urusan pentadbiran, penyelarasan data harta tanah dan penyampaian perkhidmatan yang efisien di Negeri Johor.









28 Ogos 2026, Johor Bahru – JPPH Negeri Johor telah menerima kunjungan hormat daripada Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor yang diketuai oleh Sr Haji Azmi bin Haji Miswan, Pengerusi Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Penilaian PBT Negeri Johor merangkap Pengarah Penilaian, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Delegasi tersebut telah disambut oleh YBrs. Encik Yusneta bin Idon, Pengarah Penilaian Negeri Johor. Pertemuan ini bertujuan mengeratkan silaturahim serta memperkukuh sinergi, jalinan kerjasama dan perkongsian strategik antara JPPH dengan PBT di Negeri Johor bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

31 Ogos 2026, Johor Bahru – JPPH Negeri Johor telah menyertai Sambutan Hari Kemerdekaan ke-69 Tahun 2026 Peringkat Daerah Johor Bahru yang berlangsung di Dataran Johor Bahru. Seramai 34 orang pegawai dan kakitangan JPPH Johor dan Johor Bahru telah mengambil bahagian dalam perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat daerah.





KLUANG

7 Ogos 2026, Kluang – PEKIP Kluang telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin di Bilik Mesyuarat Seri Aula, JPPH Kluang yang diketuai oleh Pengerusi PEKIP Kluang, Encik Taufik bin Mohd Ali, Pegawai Penilaian. Majlis turut disusuli dengan bacaan tahlil ringkas yang dipimpin oleh Encik Mohd Ibrahim bin Ramli.









7 Ogos 2026, Kluang – KESUPEN Kluang telah mengadakan majlis perpisahan bagi menghargai jasa dan sumbangan Encik Muhammad Taufik bin Mohd Ali, Pegawai Penilaian, yang akan berpindah ke JPPH Segamat mulai 10 Ogos 2026. Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Penilaian di JPPH Kluang sejak tahun 2020 hingga 2026.

19–20 Ogos 2026, Kluang – Pengarah Penilaian Negeri Johor, YBrs. Encik Yusneta bin Idon telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke JPPH Kluang, yang merupakan lawatan pertama beliau ke cawangan tersebut selepas dilantik sebagai Pengarah Penilaian Negeri Johor. Kehadiran beliau telah disantuni oleh Sr Noraslinda binti Abdul Raub, Penilai Daerah Kluang, bersama pegawai penilaian dan warga JPPH Kluang. Dalam lawatan tersebut, turut diadakan audit dalaman JPPH Kluang yang diketuai oleh Sr Halimatul Saeidah binti Abdul Ghani, Ketua Penolong Pengarah Penilaian Negeri, meliputi aspek Penilaian, Kewangan dan Tadbir Urus, Unit Informasi Harta Tanah (NAPIC) serta ICT, dengan turut dihadiri oleh Ketua NAPIC Negeri, Sr Zulhisyam bin Abdul.





MUAR

19–22 Mei 2026, Muar – JPPH Muar telah menerima kunjungan Pasukan Unit Integriti dan Pengauditan dari Ibu Pejabat JPPH bagi melaksanakan audit meliputi aspek Teknikal, Pengurusan Data NAPIC, Kewangan dan Tadbir Urus. Pasukan audit yang diketuai oleh Encik Muhammad Farizan bin Haji Abdul Razak turut disertai oleh sembilan orang juruaudit dari Ibu Pejabat dan cawangan JPPH. Sesi penutup audit pada 22 Mei 2026 telah dipengerusikan oleh Encik Muhammad Farizan bin Abdul Razak.









22 Julai 2026, Muar – KESUPEN Muar telah mengadakan Majlis Perpisahan bagi Encik Mohamad Rafiai bin Samin yang akan bersara wajib pada 2 Ogos 2026. Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti ucapan oleh Penilai Daerah Muar, tayangan video istimewa, ucapan daripada pegawai yang diraikan serta penyampaian hadiah dan cenderahati sebagai tanda penghargaan atas khidmat dan sumbangan beliau.

31 Ogos 2026, Muar – JPPH Muar telah menyertai Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-69 Peringkat Negeri Johor yang diadakan di Dataran Tanjung Emas, Muar. Kontinjen JPPH Muar yang terdiri daripada 25 orang peserta telah berkumpul seawal 6.30 pagi bagi menyertai perarakan tersebut. Turut hadir memberikan sokongan ialah Pengarah Penilaian Negeri Johor, YBrs. Encik Yusneta bin Idon.





SEREMBAN

15 Mei 2026, Seremban – Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri, JPPH Negeri Sembilan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menganjurkan ceramah pengurusan kewangan bertajuk "Beringat Sebelum Kena" di Bilik Mesyuarat JPPH Negeri Sembilan. Ceramah yang disampaikan oleh Puan Noor Aziera Ezurien binti A. Aziz, Timbalan Pengurus dan Ketua Unit Belia dan Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan Kewangan Sektor Isi Rumah, AKPK ini telah dihadiri oleh warga kerja JPPH Negeri Sembilan, JPPH Seremban serta lima orang wakil JPPH Jempol. Ceramah ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan warga kerja mengenai pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah, termasuk perancangan kewangan, pengurusan komitmen serta langkah mengelakkan masalah kewangan pada masa hadapan.







19 Mei 2026, Seremban – Sr Tan Eng Peik, Pengarah Penilaian Negeri Sembilan telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Port Dickson (JPPH MPPD) yang diketuai oleh Sr Hafizi bin Jamil, Pengarah/Pegawai Penilaian JPPH MPPD. Pertemuan turut disertai oleh Sr Fariq Anwar bin Abd Rahman, Penilai Daerah Seremban bersama pegawai penilaian JPPH Seremban. Kunjungan ini bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama serta membincangkan perkara berkaitan penilaian dan isu semasa pembangunan kerajaan negeri yang melibatkan kepentingan bersama, di samping membuka ruang kepada pertukaran idea, perkongsian maklumat dan cadangan penambahbaikan bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

26 Jun 2026, Seremban – KESUPEN JPPH Seremban telah menganjurkan Perlawanan Persahabatan Bola Tampar 3 Penjuru Zon Selatan yang melibatkan JPPH Negeri Sembilan, JPPH Melaka dan JPPH Johor di Gelanggang Tertutup, Kompleks Sukan Negeri Paroi. Setiap negeri menyertai pertandingan dengan dua pasukan lelaki dan satu pasukan wanita. Program ini bertujuan memupuk semangat kesukanan dan daya saing dalam kalangan warga kerja, di samping mengeratkan hubungan antara pegawai serta cawangan dan memberi peluang mengetengahkan bakat dalam bidang sukan. JPPH Johor muncul sebagai johan, diikuti JPPH Melaka di tempat kedua dan JPPH Negeri Sembilan di tempat ketiga.







9 Julai 2026, Seremban – Mesyuarat Penyelarasan Dokumen ke Dalam VISWEB telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Negeri Sembilan dan dipengerusikan oleh YBrs. Sr Khalid bin Abdul Mutalib, Pengarah Kanan, Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil Ibu Pejabat JPPH, Pengarah Penilaian Negeri Sembilan, Penilai Daerah Seremban dan Jempol serta pegawai dan kakitangan penilaian. Mesyuarat ini bertujuan mendapatkan pandangan, maklum balas dan perkongsian idea daripada warga cawangan bagi memperhalusi serta menambah baik sistem VISWEB, di samping mengenal pasti isu dan keperluan sebenar di lapangan. Input dan cadangan yang dikemukakan akan diambil kira oleh pihak Ibu Pejabat dalam memperkukuh rangka kerja, garis panduan dan dasar bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan.

20 Ogos 2026, Seremban – Bersempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2026M/1448H, PEKIP JPPH Seremban telah menganjurkan ceramah bertajuk "Meneladani Keperibadian Rasulullah S.A.W. Dalam Berkhidmat" yang disampaikan oleh Ustaz Muhamad Hannan bin Mohd Haniff, Mualim dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ceramah ini dihadiri oleh warga kerja JPPH Negeri Sembilan dan JPPH Seremban yang beragama Islam dengan tujuan menghayati perjuangan dan keperibadian mulia Rasulullah S.A.W. serta menerapkan nilai-nilai terpuji dalam kehidupan dan pelaksanaan tugas sebagai penjawat awam. Perkongsian ini diharap dapat menjadi pedoman dalam melaksanakan amanah dengan penuh integriti, dedikasi dan keikhlasan.



21 Ogos 2026, Seremban – Pengarah Penilaian Negeri Sembilan, Sr Tan Eng Peik telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan, YBrs. Tuan Jasyindar Singh Sihdu bersama empat orang pegawai. Pertemuan turut disertai oleh Sr Fariq Anwar bin Abd Rahman, Penilai Daerah Seremban bersama barisan Penolong Pegawai Penilaian JPPH Seremban. Kunjungan ini bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama dan jaringan strategik antara JPJ Negeri Sembilan dan JPPH Negeri Sembilan, di samping menjadi platform perbincangan perkara teknikal berkaitan penilaian serta pertukaran idea dan perkongsian maklumat bagi memperkukuh penyelarasan urusan antara agensi dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.









26–28 Ogos 2026, Seremban – Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat JPPH dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail sebagai Prasyarat Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0) di Bilik Mesyuarat, JPPH Negeri Sembilan. Bengkel yang dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator daripada Arkib Negara Malaysia serta Kementerian Kewangan ini melibatkan 35 orang peserta daripada JPPH Negeri Sembilan, JPPH Seremban dan JPPH Jempol yang terdiri daripada wakil pentadbiran, teknikal, pengurusan surat dan fail. Bengkel ini bertujuan memberi kefahaman dan panduan berkaitan pelaksanaan DDMS 2.0 sebagai persediaan peralihan daripada pengurusan rekod secara konvensional kepada persekitaran elektronik, di samping membantu cawangan melaksanakan pengurusan rekod secara lebih sistematik, berkesan dan selaras dengan keperluan pendigitalan perkhidmatan jabatan.

JEMPOL

18 Jun 2026, Jempol – KESUPEN JPPH Jempol telah menganjurkan Program Walk & Breakfast di Kampung Lonek yang melibatkan aktiviti berjalan kaki dan sarapan bersama. Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga kerja JPPH Jempol.





18 Jun 2026, Jempol – JPPH Jempol telah menerima lawatan kerja rasmi daripada Pengarah Penilaian Negeri Sembilan, Sr. Tan Eng Peik yang turut merasmikan sesi pembukaan Audit Dalaman JPPH Negeri Sembilan. Audit yang diketuai oleh Puan Najihah binti Mohd. Dlan, Pegawai Penilaian dan melibatkan enam orang ahli pasukan audit telah dilaksanakan selama tiga hari, iaitu dari 12 hingga 14 Ogos 2026, meliputi aspek Pentadbiran dan Kewangan, Teknikal serta NAPIC. Dalam lawatan tersebut, Pengarah Penilaian turut menyampaikan amanat kepada warga JPPH Jempol serta memperkukuh hubungan antara pihak pengurusan dengan warga kerja.

21 Ogos 2026, Bahau – KESUPEN JPPH Jempol telah menganjurkan Program Pendakian Bukit Taisho di Pekan Bahau yang melibatkan aktiviti pendakian dan sarapan bersama. Program ini diadakan sebagai aktiviti riadah dan rekreasi bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta memupuk semangat kerjasama dan kebersamaan dalam kalangan warga kerja JPPH Jempol.



MELAKA

8 Mei 2026, Melaka – KESUPEN JPPH Melaka telah menganjurkan program Morning Fun Walk with Pengarah JPPH Negeri Melaka sebagai inisiatif menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan meningkatkan kecergasan fizikal dalam kalangan warga kerja. Program ini turut menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara Pengarah dan warga JPPH Melaka dalam suasana santai dan penuh kebersamaan.









8 Mei 2026, Melaka – KESUPEN JPPH Melaka telah menganjurkan Aktiviti Sukan Takraw yang melibatkan penyertaan warga kerja JPPH Melaka. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta memupuk semangat kesukanan, di samping mengeratkan silaturahim, memperkukuh kerjasama dan semangat berpasukan dalam kalangan warga jabatan.

13 Mei 2026, Melaka – CUEPACS telah menganjurkan sesi taklimat yang dihadiri oleh seramai 35 orang kakitangan JPPH Melaka daripada pelbagai bahagian dan unit. Taklimat ini bertujuan memberikan pendedahan berkaitan isu semasa, khususnya aspek kebajikan, perkhidmatan serta hak penjawat awam, dan diakhiri dengan sesi soal jawab yang mendapat penyertaan aktif daripada para peserta.









13 Mei 2026, Melaka – JPPH Melaka telah menyertai Seminar Keselamatan (Kesedaran Kebakaran) anjuran Safety Protection Academy (SPA) yang bertujuan meningkatkan pengetahuan warga kerja mengenai punca kebakaran di tempat kerja, jenis alat pemadam api serta Prosedur Operasi Standard (SOP) yang betul sekiranya berlaku kebakaran. Seminar ini turut memberi penerangan mengenai penubuhan dan peranan Pasukan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Team – ERT) sebagai persediaan menghadapi situasi kecemasan di tempat kerja.

10 Jun 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah menerima lawatan kerja rasmi YBrs. Sr Haji Basarudin bin Mohd Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), yang disambut oleh Pengarah Penilaian Negeri Melaka, Penilai Daerah serta warga kerja JPPH Negeri Melaka. Dalam amanatnya, beliau menyeru warga kerja agar terus mengekalkan kecemerlangan prestasi, memperkukuh komitmen dan melaksanakan tugas secara profesional, di samping menekankan kepentingan pendigitalan, integriti, pembangunan kompetensi serta inovasi bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan JPPH.







26 Jun 2026, Seremban – KESUPEN JPPH Melaka telah menyertai Perlawanan Persahabatan 3 Penjuru Bola Tampar Zon Selatan yang melibatkan JPPH Negeri Sembilan, Melaka dan Johor di Seremban. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal dan semangat kesukanan, di samping mengeratkan silaturahim, memperkukuh kerjasama serta semangat berpasukan dalam kalangan warga kerja.

30 Jun 2026, Melaka – JPPH Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Melaka yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Shariz bin Ramli, Pengarah Negeri HASiL Melaka dan disambut oleh Pengarah Penilaian Negeri Melaka, Sr Saharun bin Kasim. Pertemuan ini membincangkan aspek kerjasama, penyelarasan, perkongsian maklumat dan amalan terbaik antara kedua-dua agensi bagi meningkatkan keberkesanan fungsi serta kualiti penyampaian perkhidmatan, di samping memperkukuh hubungan strategik dan kerjasama antara agensi.





2 Julai 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah mengadakan Taklimat Inspektorat Tapisan Keselamatan (CGSO) JPPH Tahun 2026 yang disampaikan oleh penceramah daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) Negeri Melaka. Taklimat ini bertujuan meningkatkan kefahaman warga kerja mengenai pematuhan dan pelaksanaan Arahan Keselamatan dalam pengurusan keselamatan perlindungan di jabatan kerajaan agar dilaksanakan dengan betul serta selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.










8 Julai 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah mengadakan Taklimat SSPN "Simpanan Pendidikan Anak Pelindung Seisi Keluarga" bersama Encik Nadim Sidiqqi bin Amir, Eksekutif PTPTN. Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai kepentingan perancangan kewangan awal sebagai persediaan menampung kos pendidikan tinggi anak-anak.

8 Julai 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah menganjurkan Ceramah Kesihatan Mata dan Pemeriksaan Mata kepada warga kerja JPPH Melaka. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mata, pencegahan penyakit mata serta menggalakkan pemeriksaan mata secara berkala. Program ini turut memberi peluang kepada warga kerja mendapatkan saringan awal bagi memantau tahap kesihatan mata.









23 Julai 2026, Melaka – KESUPEN JPPH Negeri Melaka telah menganjurkan Program Mingguan Bakar Kalori sebagai inisiatif menggalakkan warga kerja mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif. Program ini bertujuan meningkatkan kecergasan fizikal, membantu mengawal berat badan serta mengurangkan tekanan, di samping menjadi wadah untuk meningkatkan semangat, motivasi dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga jabatan.

31 Julai 2026 – KESUPEN, PEKIP dan PUSPANITA JPPH Melaka telah menganjurkan Majlis Perpisahan Pengarah Penilaian Negeri Melaka sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas jasa, sumbangan serta kepimpinan Sr Saharun bin Kasim sepanjang menerajui JPPH Negeri Melaka. Majlis ini turut menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim antara Pengarah Penilaian Negeri dan warga kerja serta mencipta kenangan bermakna sebelum beliau meneruskan tugas di pejabat baharu.











10 Ogos 2026, Melaka – KESUPEN JPPH Melaka telah menganjurkan Program Senaman Pagi yang diadakan pada setiap hari Rabu di ruang kerja warga JPPH Melaka. Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta membantu mengurangkan tekanan, di samping mengeratkan silaturahim dan mewujudkan suasana kerja yang lebih positif, sihat dan harmoni.

11 Ogos 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah mengadakan Ceramah Umum Integriti bertajuk "Memperkukuhkan Budaya Integriti dan Tadbir Urus Baik ke Arah Penyampaian Perkhidmatan Cemerlang" yang disampaikan oleh Puan Siti Hajar binti Abd Rahman, Certified Integrity Officer (CeIO), Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Ceramah ini menekankan kepentingan integriti, etika dan akauntabiliti dalam kalangan warga kerja sebagai asas memperkukuh amalan tadbir urus yang baik serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.





12 Ogos 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) yang diketuai oleh YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Haji Sabtu, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama dan komunikasi antara kedua-dua agensi, khususnya berkaitan keperluan permohonan dan proses penilaian, di samping menjadi platform perkongsian pandangan serta penjelasan bagi memastikan urusan permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih lengkap, cekap dan teratur.









14 Ogos 2026, Melaka – PEKIP JPPH Melaka telah menganjurkan Program Bacaan Yasin Bulanan yang melibatkan warga kerja JPPH Melaka. Program ini bertujuan menyemarakkan penghayatan nilai-nilai kerohanian serta mengeratkan silaturahim, di samping memupuk semangat kebersamaan dan ukhuwah dalam kalangan warga jabatan.

20 Ogos 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Melaka yang diketuai oleh Pengerusinya, Datuk Ngoh Chun How bersama Timbalan Pengerusi, Datuk Sonny Tan Chor Han. Delegasi telah disambut oleh Pengarah Penilaian Negeri Melaka, Encik Zakariya bin Nayan bersama Penilai Daerah Melaka, Puan Puzihana binti Ismail. Kunjungan ini menjadi platform untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama melalui perkongsian maklumat serta perbincangan teknikal berkaitan permohonan penilaian dan keperluan operasi, di samping meningkatkan persefahaman dan kerjasama strategik bagi memperkukuh kualiti penyampaian perkhidmatan.







25 Ogos 2026, Melaka – JPPH Negeri Melaka telah menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka di Pusat Islam, Masjid Al-Azim, Melaka. Penyertaan ini bertujuan menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul serta meningkatkan penghayatan dan kecintaan terhadap perjuangan, akhlak dan sunnah Rasulullah S.A.W., di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dan kebersamaan dalam kalangan warga jabatan.

ZON UTARA

PERAK/IPOH

4 Mei 2026, Ipoh – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), YBhg. Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak. Pertemuan ini menjadi platform untuk memperkukuh kerjasama antara JPPH Negeri Perak dan PKNPk, khususnya dalam menyokong agenda pembangunan ekonomi negeri, di samping membincangkan struktur organisasi PKNPk serta perkembangan pembangunan nod pertumbuhan wilayah seperti Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) dan Silver Valley Technology Park (SVTP). JPPH Negeri Perak turut menyatakan komitmen untuk memberikan khidmat nasihat dan sokongan sewajarnya dalam aspek berkaitan perkhidmatan jabatan.







4 Mei 2026, Ipoh – KESUPEN JPPH Ipoh telah menganjurkan Program Terapi 3R Siri 2 Tahun 2026 dengan menjemput Puan Noria binti Ab Karim dari Unit Psikologi Kaunseling, Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak untuk menyampaikan ceramah bertajuk "Terapi 3R Tenang Dalam Tekanan: Cara Urus Emosi di Tempat Kerja". Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai pengurusan emosi dan tekanan di tempat kerja, di samping memupuk kesejahteraan diri.

8 Mei 2026, Ipoh – KESUPEN JPPH Ipoh telah menganjurkan Morning Fat-Burning Workout di sekitar Stadium Ipoh yang disertai lebih 30 orang ahli KESUPEN. Program dimulakan dengan aktiviti brisk walk dari perkarangan Menara SSM ke Stadium Ipoh, diikuti senaman berintensiti tinggi selama satu jam sebelum diakhiri dengan brisk walk kembali ke Menara SSM. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dalam kalangan warga kerja.










14 Mei 2026, Ipoh – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak dan UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama serta perkongsian maklumat antara agensi dan institusi akademik, khususnya dalam bidang penilaian dan perkhidmatan harta.

15 Mei 2026, Ipoh – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berkenan menerima sembah menghadap Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam di Istana Kinta. Sembah menghadap ini bertujuan memperkenalkan diri serta memaklumkan peranan dan fungsi JPPH Negeri Perak dalam menyokong pembangunan negeri. Baginda turut menzahirkan pandangan mengenai kepentingan tadbir urus yang cekap dan pengurusan harta tanah yang mampan demi kesejahteraan rakyat.







16 Mei 2026, Puchong – KESUPEN JPPH Ipoh telah menganjurkan Perlawanan Persahabatan Futsal 3 Penjuru yang melibatkan KESUPEN Ipoh, Shah Alam dan Bangi di KSL Puchong, Selangor. Pertandingan menggunakan format liga dan menyaksikan KESUPEN Ipoh muncul sebagai juara keseluruhan. Program ini bertujuan menggalakkan aktiviti sukan serta mengeratkan silaturahim dan semangat kesukanan dalam kalangan warga KESUPEN.

19 Mei 2026, Teluk Intan – Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri Perak Bersama NAPIC Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2026 telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Teluk Intan dan dipengerusikan oleh Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam. Mesyuarat melibatkan Penilai Daerah dan warga NAPIC dari JPPH Ipoh, Taiping dan Teluk Intan bagi membincangkan isu berkaitan PRISM 2.0, perjawatan, beban kerja, kemasukan data sewa serta perkara berkaitan operasi NAPIC Negeri Perak.



3 Jun 2026, Ipoh – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak di Pejabat Menteri Besar Perak. Kunjungan ini bertujuan melaporkan diri serta memperkenalkan peranan dan fungsi JPPH Negeri Perak, di samping memperkukuh hubungan kerjasama dalam menyokong pembangunan negeri.









18 Jun 2026, Ipoh – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah mengetuai delegasi JPPH Negeri Perak dalam kunjungan hormat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, YBhg. Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama strategik serta membincangkan aspek penilaian hartanah, perkongsian data dan kaedah penilaian berkaitan pemberimilikan tanah dan tukar syarat, di samping memperkukuh jaringan kerja serta kerjasama antara JPPH Negeri Perak dengan PTG Negeri Perak.

21 Julai 2026, Ipoh – KESUPEN JPPH Ipoh telah mengadakan Program JPPH Leisure Walk di Padang Polo Ipoh yang disertai oleh hampir keseluruhan ahli KESUPEN JPPH Ipoh. Program ini bertujuan mengekalkan kecergasan fizikal dan meningkatkan stamina, di samping menggalakkan amalan gaya hidup aktif dalam kalangan warga kerja.







24 Julai 2026, Ipoh – KESUPEN JPPH Ipoh telah melaksanakan Pemeriksaan Tekanan Darah (BP) kepada ahli KESUPEN sebagai inisiatif meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemantauan kesihatan. Program ini turut menggalakkan warga kerja mengambil berat terhadap tahap kesihatan diri bagi menyokong kesejahteraan dan produktiviti di tempat kerja.

5 Ogos 2026, Ipoh – JPPH Negeri Perak telah menerima kunjungan daripada Pasukan Inovasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sedang membangunkan portal dalam talian berkaitan pengurusan fasiliti bangunan. Delegasi telah disambut oleh Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam. Sesi perkongsian ini menjadi platform pertukaran pandangan dan cadangan berkaitan pengurusan aset, penyelenggaraan fasiliti, pemantauan aduan serta keberkesanan operasi bangunan bagi menyokong pembangunan sistem yang lebih praktikal dan mesra pengguna.







6 Ogos 2026, Ipoh – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Institut Bumiputera Profesional Hartanah Malaysia (BUMIPRO) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sr Rohaizal Idris. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik serta meneroka potensi kerjasama dalam bidang penilaian harta tanah dan pembangunan profesional, di samping menjadi platform perkongsian pandangan berkaitan amalan penilaian serta perkembangan semasa industri hartanah.

17 Ogos 2026, Ipoh – JPPH Negeri Perak telah menerima kunjungan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perak yang diketuai oleh YBrs. Tuan Mohammad Yusuff bin Abustan dan disantuni oleh Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam. Perbincangan memberi tumpuan kepada prosedur permohonan dan penyediaan nilaian serta urusan sewaan bagi cawangan baharu JPJ di Kuala Kangsar, di samping menjadi platform perkongsian pandangan berkaitan tadbir urus aset dan pengurusan harta tanah serta memperkukuh kerjasama antara kedua-dua agensi.





17 Ogos 2026, Ipoh – JPPH Negeri Perak telah menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Negeri Perak yang diketuai oleh Pengerusinya, YBhg. Ir. Loh Ban Ho dan disantuni oleh Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama serta bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa industri harta tanah di Negeri Perak, di samping membuka ruang kepada perkongsian ilmu, penyelidikan dan pembangunan profesional dalam bidang penilaian dan perkhidmatan harta.

TAIPING

22 Mei 2026, Taiping – JPPH Taiping telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Kesyukuran dalam suasana tertib dan harmoni. Majlis ini menjadi wadah untuk memupuk nilai kesyukuran, mengeratkan silaturahim serta memanjatkan doa demi kesejahteraan dan keberkatan seluruh warga JPPH Taiping, di samping menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga jabatan.







5 Jun 2026, Taiping – JPPH Taiping telah mengadakan Aktiviti Riadah Petang Badminton yang melibatkan warga kerja JPPH Taiping. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kesukanan dan kerjasama dalam suasana santai dan harmoni.

9 Jun 2026, Taiping – PEKIP JPPH Taiping telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin bagi mendoakan kesembuhan ahli keluarga Encik Mohd Farzli bin Mat Yusof. Majlis ini mencerminkan keprihatinan dan sokongan warga jabatan terhadap rakan serta keluarga yang sedang menghadapi ujian, di samping memperkukuh semangat kebersamaan dan hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga JPPH Taiping.









9 Julai 2026, Taiping – KESUPEN JPPH Taiping telah mengadakan Aktiviti Riadah Pagi Brisk Walk di Taiping Lake Garden yang disertai oleh warga JPPH Taiping. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kecergasan fizikal, di samping mengeratkan silaturahim serta memperkukuh semangat kekitaan dalam kalangan warga jabatan.

23 Julai 2026, Taiping – KESUPEN JPPH Taiping dengan kerjasama KKM LMS telah melaksanakan Pemeriksaan Kesihatan Warga JPPH Taiping bagi memberi peluang kepada warga kerja mendapatkan pemeriksaan kesihatan serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri. Inisiatif ini turut menyokong usaha mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat dan produktif.









31 Julai 2026, Taiping – PEKIP JPPH Taiping telah menganjurkan Program Sumbangan dan Pengumpulan Pakaian Terpakai sebagai inisiatif memupuk semangat berkongsi dan keprihatinan dalam kalangan warga jabatan. Program ini memberi peluang kepada warga kerja menyumbangkan pakaian terpakai yang masih sesuai digunakan, di samping menggalakkan amalan memberi dan memanfaatkan barangan yang masih boleh digunakan serta mencerminkan semangat kebersamaan warga jabatan.

14 Ogos 2026, Taiping – KESUPEN JPPH Taiping telah menganjurkan Sukan Tahunan KCT, Pertandingan Bowling Berpasukan yang melibatkan warga JPPH Taiping. Pertandingan ini bertujuan menggalakkan aktiviti fizikal dan semangat kesukanan, di samping memupuk kerjasama, strategi serta semangat berpasukan dalam kalangan peserta. Persaingan sihat dalam suasana ceria dan harmoni turut menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim sesama warga jabatan.







26 Ogos 2026, Taiping – KESUPEN JPPH Taiping telah menyertai Konvoi Kemerdekaan anjuran KESUMA Wisma Persekutuan Taiping bersama wakil jabatan-jabatan yang beroperasi di Wisma Persekutuan Taiping. Konvoi bermula dari perkarangan Wisma Persekutuan dan melalui sekitar Taman Tasik Taiping sebelum berhenti untuk sesi sarapan dan bergambar. Program ini bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme sempena sambutan kemerdekaan, di samping mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kebersamaan antara warga pelbagai jabatan.

TELUK INTAN

4 Mei 2026, Teluk Intan – JPPH Teluk Intan telah menganjurkan Pertandingan Sukan Dalaman di ruang legar Tingkat 1, JPPH Teluk Intan yang melibatkan dua kumpulan dengan 15 orang peserta bagi setiap kumpulan. Sebanyak lima acara dipertandingkan, iaitu dart, congkak, sukaneka, carom dan badminton. Pertandingan yang berlangsung secara bulanan dari Mei hingga Julai ini bertujuan menggalakkan aktiviti riadah, di samping memupuk semangat kesukanan dan kerjasama serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga JPPH Teluk Intan.







19 Mei 2026, Teluk Intan – Pengarah Penilaian Negeri Perak, Sr Ari bin Adam telah mengadakan lawatan rasmi ke JPPH Teluk Intan dan disantuni oleh Penilai Daerah, Sr. Roslima binti Taha bersama seluruh warga kerja JPPH Teluk Intan. Dalam lawatan tersebut, beliau turut menyampaikan amanat dan nasihat agar warga jabatan sentiasa mematuhi perintah, peraturan serta pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

3 Jun 2026, Teluk Intan – KESUPEN JPPH Teluk Intan telah menganjurkan Aktiviti Riadah Senaman Ringan di sekitar River Front, Teluk Intan. Aktiviti selama 30 minit ini diketuai oleh AJK Sukan KESUPEN JPPH Teluk Intan, Encik Ahmad Firdaus bin Zulkarnian, dan melibatkan warga JPPH Teluk Intan. Program ini bertujuan menggalakkan amalan hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan warga jabatan melalui aktiviti riadah secara santai.









25 Jun 2026, Teluk Intan – JPPH Teluk Intan telah menganjurkan Ceramah Keseronokan Bekerja bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Teluk Intan. Program bertajuk "Bekerja dengan Gembira, Berkhidmat dengan Cemerlang" ini disampaikan oleh Puan Zailiya binti Asmawi, Kaunselor JKM Daerah Hilir Perak. Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai kepentingan menjaga kesejahteraan mental, mengurus tekanan serta membina persekitaran kerja yang positif dan kondusif.

30 Jun 2026, Teluk Intan – JPPH Teluk Intan telah mengadakan Majlis Perpisahan Penilai Daerah, Sr. Roslima binti Taha sebagai tanda penghargaan atas jasa dan khidmat bakti beliau sepanjang berkhidmat di JPPH Teluk Intan. Beliau telah berkhidmat selama enam bulan sebelum berpindah ke Bahagian NAPIC, Ibu Pejabat. Majlis berlangsung dalam suasana penuh bermakna sebagai wadah menyampaikan penghargaan serta ucapan selamat maju jaya kepada beliau di tempat baharu.









14 Julai 2026, Teluk Intan – PEKIP JPPH Teluk Intan telah menganjurkan aktiviti gotong-royong Memasak Bubur Asyura sempena bulan Muharam. Aktiviti ini melibatkan sumbangan bahan masakan secara bersama oleh pihak PEKIP dan warga kerja JPPH Teluk Intan, sekali gus menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kebersamaan. Aktiviti turut diserikan dengan sesi kuiz uji minda berkaitan Hari Asyura bagi menambah pengetahuan serta memeriahkan suasana program.

15 Julai 2026, Teluk Intan – JPPH Teluk Intan telah menganjurkan Aktiviti Senaman Ringan bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Teluk Intan selama 10 minit bermula jam 10.00 pagi. Aktiviti ini bertujuan memupuk amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta menyegarkan tubuh badan warga kerja sebelum meneruskan tugasan harian, di samping menyokong usaha membudayakan gaya hidup sihat selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat.





KEDAH/ALOR SETAR

17 Mei 2026, Alor Setar – KESUPEN JPPH Alor Setar telah menganjurkan Majlis Makan Malam Retro yang menggabungkan Majlis Persaraan dan Majlis Perpisahan bagi meraikan warga kerja yang telah menamatkan perkhidmatan serta bertukar ke tempat baharu. Majlis berlangsung dalam suasana meriah sebagai tanda penghargaan atas jasa, komitmen dan sumbangan warga kerja, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga jabatan. Pelbagai aktiviti seperti penyampaian cenderahati dan persembahan bertemakan retro turut diadakan bagi menyemarakkan majlis serta menghargai jasa warga kerja yang telah berkhidmat.







18 Mei 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah menerima kunjungan hormat daripada Permodalan Kedah Berhad yang diketuai oleh YBrs. Puan Muzzaini binti Abd. Rahman, Pengurus Besar Permodalan Kedah Berhad. Delegasi telah disambut oleh Encik Noorhafez bin Nordin, Pengarah Penilaian Negeri Kedah dan Sr Adli bin Sukor, Pegawai Penilaian. Kunjungan ini bertujuan meneroka potensi kerjasama strategik khususnya dalam aspek penilaian harta dan pembangunan projek di Negeri Kedah, di samping memperkukuh hubungan profesional serta membuka peluang kerjasama yang lebih berkesan pada masa hadapan.

22 Mei 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah mengadakan Majlis Makan Malam Bertemakan Masquerade bersempena Perasmian dan Penutupan Aktiviti Sukan JPPH Kedah. Majlis yang berlangsung meriah ini menghimpunkan warga JPPH Kedah bagi meraikan kejayaan penganjuran program sukan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga jabatan. Majlis turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang acara sukan, cabutan bertuah serta pemilihan King dan Queen Masquerade dengan Sr Azizierul bin Ramli, Pengarah Penilaian Negeri Perlis, sebagai juri jemputan. Penganjuran program ini turut menyokong usaha memperkukuh semangat kekitaan, kerjasama dan budaya kerja yang harmoni dalam kalangan warga JPPH Kedah.









22 Mei 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah menganjurkan Aktiviti Sukan Antara Cawangan yang melibatkan pelbagai acara seperti bola jaring, pingpong, futsal, karom dan tuju kasut. Aktiviti ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerja berpasukan serta menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga jabatan, di samping memperkukuh hubungan antara cawangan dan mewujudkan suasana kerja yang harmoni.

25 Mei 2026, Alor Setar – JPPH Negeri Kedah telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) yang diketuai oleh Puan Mardziah binti Khalib, Ketua Bahagian Teknikal MBAS, bersama tiga orang pegawai. Delegasi telah disambut oleh Puan Rozana binti Zakaria, Penilai Daerah Alor Setar, bersama pegawai-pegawai JPPH Negeri Kedah. Kunjungan ini bertujuan membincangkan isu-isu teknikal berkaitan, di samping memperkukuh hubungan dan kerjasama strategik antara kedua-dua agensi.





4 Jun 2026, Alor Setar – JPPH Alor Setar telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Ringkas di Bilik Mesyuarat Utama JPPH Alor Setar yang dihadiri oleh seluruh warga jabatan. Majlis ini diadakan bagi memohon keberkatan, kesejahteraan dan kelancaran dalam melaksanakan tugas harian. Bacaan Yasin dan Tahlil telah dipimpin oleh Encik Mohd Nasrul bin Mohd Noor, Penolong Pegawai Penilaian. Penganjuran program ini turut menjadi wadah untuk memupuk nilai kerohanian, memperkukuh ukhuwah serta mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dalam kalangan warga JPPH Alor Setar.

28 Jun 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah menganjurkan Program Senaman Pagi secara dalam talian menerusi platform Google Meet dengan penyertaan menggalakkan daripada warga jabatan. Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan mental, di samping mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga jabatan. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen JPPH Negeri Kedah dalam membudayakan gaya hidup sihat serta mewujudkan persekitaran kerja yang dinamik dan produktif.







6 Julai 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah menerima Kunjungan Hormat daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) yang diketuai oleh YBrs. Puan Sanisah binti Sarnuji, Pengarah JKPTG, bersama tiga orang pegawai. Delegasi telah disantuni oleh Encik Noorhafez bin Nordin, Pengarah Penilaian Negeri Kedah, bersama pegawai-pegawai JPPH Negeri Kedah. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan dan kerjasama antara kedua-dua jabatan, di samping menjadi wadah pertukaran pandangan serta perbincangan mengenai perkara-perkara berkepentingan bersama bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

20 Julai 2026, Alor Setar – JPPH Negeri Kedah telah mengadakan Sesi Taklimat Program Takaful Penghospitalan dan Pembedahan yang disampaikan oleh pihak CUEPACS CARE di Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Alor Setar. Taklimat yang dihadiri oleh warga JPPH Kedah dan JPPH Alor Setar ini bertujuan memberikan pendedahan berkaitan perlindungan takaful, termasuk manfaat hibah dan insurans yang ditawarkan, di samping meningkatkan kesedaran warga jabatan tentang kepentingan perlindungan kewangan dan perancangan masa hadapan.





22 Julai 2026, Kedah – JPPH Negeri Kedah telah menerima Kunjungan Hormat daripada Permodalan Kedah Berhad (PKBD) yang diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Hamiz bin Redzuan, Penolong Pengurus Operasi, bersama empat orang pegawai PKBD. Delegasi telah disambut oleh Encik Noorhafez bin Nordin, Pengarah Penilaian Negeri Kedah, bersama pegawai-pegawai JPPH Negeri Kedah. Kunjungan ini diadakan bagi membincangkan cadangan pelaksanaan Projek Tenaga Solar di kawasan pesisir pantai Daerah Alor Setar dan Daerah Yan, di samping memperkukuh hubungan profesional serta kerjasama strategik antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menyokong pembangunan mampan.

KULIM

7 Mei 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Program "Fit & Fun Badminton JPPH Kulim" di Fuza Sports Arena, Kulim sebagai salah satu aktiviti riadah bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dalam kalangan warga kerja. Program ini turut menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan kesukanan serta mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni dalam kalangan warga JPPH Kulim.







13 Mei 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Perlawanan Persahabatan Futsal menentang Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kulim di KHTP Sports Complex sebagai salah satu aktiviti riadah bagi menggalakkan kecergasan fizikal serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan warga kerja. Perlawanan ini turut menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan memperkukuh semangat kerjasama antara warga JPPH Kulim dengan PDT Kulim. Perlawanan berlangsung dalam suasana meriah dan berakhir dengan kemenangan JPPH Kulim dengan keputusan 10–2.

22–25 Jun 2026, Kulim – JPPH Kulim telah melaksanakan Audit Teknikal, Pengurusan Data NAPIC, Kewangan dan Tadbir Urus selama empat hari bagi menilai pematuhan terhadap peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam pengurusan jabatan. Audit oleh Unit Integriti dan Pengauditan yang diketuai oleh Encik Muhammad Farizan bin Haji Abdul Razak turut melibatkan semakan dokumen serta perkongsian pandangan bersama warga kerja. Program diakhiri dengan Majlis Penutup yang dihadiri oleh Pengarah JPPH Negeri Kedah bagi menyampaikan rumusan, dapatan audit dan perkara yang memerlukan tindakan susulan.









19 Julai 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Program Mahabbah Asyura di perkarangan JPPH Kulim sebagai wadah mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan menghayati tradisi sambutan Asyura dalam kalangan warga kerja.

30 Julai 2026, Kulim – JPPH Kulim telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi, Lambaian Kasih bagi Sr Norazura binti Hassan sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di JPPH Kulim sebelum bertukar ke JPPH Teluk Intan atas kenaikan pangkat. Majlis turut menjadi wadah menzahirkan penghargaan, mengeratkan silaturahim serta menyampaikan ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada beliau di penempatan baharu.







30 Julai 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Pertandingan Bowling JPPH Kulim 2026 di Ole-Ole Superbowl, Kulim yang disertai warga kerja dan dibahagikan kepada lima kumpulan, iaitu Merah, Biru, Hitam, Pink dan Putih. Pertandingan turut mempertandingkan kategori Pasukan Terbaik, Perseorangan Terbaik Lelaki dan Perempuan, Pakaian Pasukan Terbaik serta King & Queen of Longkang. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk semangat kerja berpasukan dan mengeratkan silaturahim dalam suasana santai dan meriah.

4 Ogos 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Kursus Tatacara Pelupusan Fail dan Pengurusan Rekod Awam di Bilik Mesyuarat JPPH Kulim dengan penyertaan warga kerja. Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai tatacara pelupusan fail dan pengurusan rekod awam secara sistematik selaras dengan peraturan serta garis panduan Arkib Negara Malaysia. Sesi perkongsian disampaikan oleh Encik Mohd. Nazri bin Baharuddin dengan bantuan Puan Daslila binti Mohd. Dahlan daripada Arkib Negeri Kedah bagi memperkukuh kompetensi warga kerja dalam pengurusan rekod yang cekap dan teratur.









23–24 dan 26 Ogos 2026, Kulim – JPPH Kulim telah melaksanakan Audit Dalaman Penilaian, NAPIC, Pentadbiran dan Kewangan JPPH Kulim 2026 dengan kehadiran Encik Noorhafez bin Nordin, Pengarah JPPH Negeri Kedah. Audit yang melibatkan tujuh orang auditor dari JPPH Alor Setar dan JPPH Sungai Petani ini diketuai oleh Encik Shamsul Amer bin Zainol, Ketua NAPIC Negeri Kedah, bagi menilai pematuhan terhadap peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam memperkukuh integriti, akauntabiliti, kecekapan dan tadbir urus penyampaian perkhidmatan.

24 Ogos 2026, Kulim – JPPH Kulim telah menganjurkan Senaman Pagi Sempena JTNMS Negeri Kedah yang menghimpunkan warga kerja JPPH Negeri Kedah secara serentak melalui penyertaan dalam talian dari cawangan masing-masing, dengan JPPH Kulim sebagai lokasi utama. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kecergasan fizikal, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kekitaan dan kerja berpasukan dalam kalangan warga JPPH Negeri Kedah.



PULAU PINANG/GEORGE TOWN

22 Jun 2026, Pulau Pinang – Pengarah Penilaian Negeri Pulau Pinang telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang dengan turut disertai oleh Pegawai Penilaian dan Penolong Pegawai Penilaian.





26 Jun 2026, Pulau Pinang – PEKIP Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin di Bilik Mesyuarat JPPH Pulau Pinang yang disertai oleh warga kerja sebagai wadah memupuk nilai kerohanian dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga jabatan.

10 Julai 2026, Pulau Pinang – Sesi penyerahan Sijil Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2025 telah disempurnakan oleh Pengarah CGSO Negeri Pulau Pinang kepada Pengarah Penilaian Negeri Pulau Pinang di Bilik Mesyuarat JPPH Pulau Pinang.





24 Ogos 2026, Pulau Pinang – PEKIP Pulau Pinang telah menganjurkan Ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Ustaz Wan Zaharuddin bin Wan Ismail di Bilik Mesyuarat JPPH Pulau Pinang. Ceramah ini menjadi wadah untuk meningkatkan penghayatan terhadap sirah dan keperibadian Rasulullah SAW serta memupuk nilai kerohanian dalam kalangan warga kerja.

SEBERANG PERAI

7 Mei 2025, Bukit Mertajam – JPPH Seberang Perai telah menyertai pertandingan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang di AEON Mall, Bukit Mertajam yang disertai 12 kumpulan daripada agensi kerajaan negeri. JPPH Seberang Perai menghantar dua kumpulan, dengan JPPH Elite meraih Naib Johan, manakala kumpulan kedua memperoleh tempat kelima. Pertandingan ini menjadi platform mengeratkan hubungan dan kerjasama antara agensi kerajaan di Pulau Pinang.







8 Mei 2026, Seberang Perai – KESUPEN JPPH Seberang Perai telah menganjurkan Aktiviti Riadah Badminton sebagai inisiatif menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja. Aktiviti ini bertujuan meningkatkan kecergasan fizikal, stamina dan kesejahteraan mental, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kekitaan antara peserta.

20 Mei 2026, Seberang Jaya – JPPH Seberang Perai telah menganjurkan Bengkel Etika Perkhidmatan Awam di The Light Hotel, Seberang Jaya yang disampaikan oleh penceramah dari INTAN Wilayah Utara. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman warga kerja terhadap etika, nilai integriti dan profesionalisme dalam pelaksanaan tugas serta penyampaian perkhidmatan awam.









25 Jun 2026, Seberang Perai – PEKIP JPPH Seberang Perai telah menganjurkan Program Kacau Bubur Asyura yang melibatkan warga kerja. Bubur Asyura yang siap dimasak turut diagihkan kepada warga JPPH Seberang Perai serta pejabat lain di Kompleks Sempilai. Program ini menjadi wadah mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kekitaan dan memperkukuh hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga kerja.

26 Jun 2026, Seberang Perai – KESUPEN JPPH Seberang Perai telah menganjurkan Aktiviti Riadah Brisk Walk sebagai inisiatif menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja. Aktiviti ini bertujuan meningkatkan kecergasan fizikal, stamina dan kesejahteraan mental, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kekitaan antara peserta.









30 Jun 2026, Seberang Perai – PEKIP JPPH Seberang Perai telah mengadakan Kuliah Dhuha Sempena Bulan Maal Hijrah di Bilik Mesyuarat JPPH Seberang Perai yang disampaikan oleh Dr. Muhammad Anas Ibrahim. Program ini memberi penekanan kepada penghayatan nilai-nilai keagamaan dan semangat penghijrahan dalam kehidupan, di samping memperkukuh penghayatan kerohanian serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja.

ZON TIMUR

PAHANG/KUANTAN

8 Mei 2026, Kuantan – PUSPANITA JPPH Kuantan telah mengadakan Mesyuarat Agung PUSPANITA JPPH Kuantan di Bilik Mesyuarat JPPH Negeri Pahang. Mesyuarat ini bertujuan membentangkan laporan kewangan dan menilai pelaksanaan program sepanjang tahun 2025, di samping membincangkan serta merancang aktiviti bagi tahun 2026 untuk memperkukuh peranan dan penglibatan ahli PUSPANITA.







15 Mei 2026, Kuantan – Pengarah Penilaian Negeri Pahang, Sr Norlinda binti Daim telah menerima Kunjungan Hormat daripada Jabatan Laut Wilayah Timur yang diketuai oleh Timbalan Pengarahnya, Encik Mohamad Halizam bin Samsuri, bersama wakil JPPH Kuantan. Pertemuan ini bertujuan berkongsi maklumat berkaitan fungsi jabatan, membincangkan aspek penilaian premis Jabatan Laut di Pahang serta memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak.

18 Mei 2026, Kuantan – JPPH Negeri Pahang telah mengadakan Mesyuarat Teknikal JPPH Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2026 di Bilik Mesyuarat JPPH Negeri Pahang yang dipengerusikan oleh Pengarah Penilaian Negeri Pahang, Sr Norlinda binti Daim. Mesyuarat ini melibatkan warga teknikal dari JPPH Negeri Pahang, Kuantan, Temerloh dan Raub bagi membincangkan prestasi semasa serta isu-isu teknikal berkaitan penilaian hartanah, di samping merangka langkah penyelesaian bagi memperkukuh kecekapan dan kualiti perkhidmatan penilaian di peringkat negeri.









21 Mei 2026, Kuantan – Sr Norlinda binti Daim, Pengarah Penilaian Negeri Pahang telah menerima Kunjungan Hormat daripada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Pahang yang diketuai oleh Ts Khairuddin bin Haji Osman, Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Pahang. Pertemuan ini menjadi platform perkongsian maklumat berkaitan fungsi dan perkhidmatan kedua-dua agensi serta perbincangan mengenai aspek penilaian premis milik RTM Pahang, di samping memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi.

12 Jun 2026, Kuantan – KESUPEN JPPH Negeri Pahang/Kuantan telah menganjurkan Program Brisk Walk "Jom Sihat: 10,000 Langkah" yang bermula di perkarangan Bangunan KWSP Kuantan dan berakhir di Taman Bandar Kuantan. Program ini bertujuan meningkatkan kecergasan fizikal dan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja.









22 Jun 2026, Kuantan – Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), YBrs. Sr. Basarudin bin Mohd Basir telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke JPPH Negeri Pahang dan JPPH Kuantan serta disambut oleh Pengarah Penilaian Negeri Pahang, Sr Norlinda binti Daim bersama para Penilai Daerah. Sesi bersama warga kerja merangkumi perkongsian pengalaman perkhidmatan, panduan pengurusan kerjaya dan keluarga serta cabaran semasa dalam bidang penilaian, diikuti pembentangan perkembangan dan potensi sektor hartanah Negeri Pahang serta lawatan teknikal ke Menara 188 bagi meninjau pembangunan sekitar Bandar Kuantan.

23 Jun 2026, Kuantan – Pengarah Penilaian Negeri Pahang, Sr Norlinda binti Daim telah menerima Kunjungan Hormat daripada Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) yang diketuai oleh Pengurus Besar, Tuan Haji Jumshoiry Novdany bin Mohd Sulaiman, bersama wakil JPPH Kuantan. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerja dan perkongsian maklumat perkhidmatan antara kedua-dua agensi, di samping membincangkan cabaran pembangunan di Pulau Tioman termasuk faktor sekatan tanah Rizab Melayu, keadaan topografi serta pewartaan Rizab Hidupan Liar.





6 Julai 2026, Kuantan – NAPIC Negeri Pahang telah mengadakan Bengkel Hands On PRISM 2.0 bersama pembekal data harta tanah yang terdiri daripada pemaju harta tanah dan pengurus bangunan di Bilik Mesyuarat JPPH Negeri Pahang. Bengkel yang dikendalikan oleh Ketua NAPIC Negeri Pahang, Puan Nur Hidayah binti Senawi, bertujuan memberikan pendedahan praktikal kepada pembekal data berkaitan kaedah penyaluran maklumat harta tanah melalui sistem PRISM 2.0 kepada NAPIC.









7 Julai 2026, Kuantan – Pengarah Penilaian Negeri Pahang, Sr Norlinda binti Daim telah menerima Kunjungan Hormat daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuantan yang diketuai oleh Ketua Cawangan KWSP Kuantan, Encik Hafizullah bin Mohd Mustapha, bersama barisan pegawai KWSP Kuantan. Pertemuan ini menjadi platform untuk membincangkan usaha pemantapan kerjasama strategik dan perkongsian maklumat antara kedua-dua agensi.

25 Julai 2026, Kuantan – PUSPANITA JPPH Negeri Kuantan telah menganjurkan Program Hiking Santai ke Air Terjun Bukit Galing yang turut disertai oleh Penilai Daerah Kuantan, Sr Nik Ariff bin Long Dir bersama keluarga. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam suasana santai dan dikelilingi keindahan alam semula jadi.









31 Ogos 2026, Kuantan – Seramai 24 orang warga JPPH Negeri Pahang yang diketuai oleh Penilai Daerah Kuantan, Sr Nik Ariff bin Long Dir, telah menyertai Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan ke-69 Peringkat Negeri Pahang di Padang MBK 4, Kuantan. Penyertaan ini mencerminkan semangat patriotisme dan perpaduan warga jabatan dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan, di samping memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja.

TEMERLOH

12 Jun 2026, Temerloh – KESUPEN JPPH Temerloh telah mengadakan Program Brisk Walk dari Bangunan Persekutuan Temerloh ke Taman Kubang Gajah, Temerloh yang disertai oleh ahli KESUPEN. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan minda dalam kalangan warga kerja.









19 Jun 2026, Temerloh – JPPH Temerloh telah mengadakan Program Gotong-royong bagi membersihkan ruang pejabat dan tempat kerja yang disertai oleh seluruh warga kerja. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, selesa dan sihat.

14 Ogos 2026, Temerloh – PERKIP JPPH Temerloh telah menganjurkan Program Bacaan Yasin di Bilik Mesyuarat yang dipimpin oleh Ustaz Azim dari Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. Program ini bertujuan memupuk amalan kerohanian, mengeratkan silaturahim serta memohon keberkatan dan kesejahteraan bersama.








21–23 Ogos 2026, Temerloh – Majlis Peluncuran dan Karnival Semarak Merdeka sempena Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI JPPH telah diadakan di Kampung Sanggang, Temerloh dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah JPPH. JPPH Temerloh turut terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) dengan kerjasama penduduk kampung dalam menjayakan pelbagai aktiviti seperti Fun Run, sukaneka dan kenduri rakyat. Program ini menyemarakkan semangat patriotisme, mengeratkan silaturahim serta memperkukuh hubungan dan kerjasama antara JPPH dengan komuniti setempat.

KUALA KRAI

3 Jun 2026, Kuala Krai – JPPH Kuala Krai telah menyertai Latihan Kebakaran anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Kuala Krai di Bangunan Persekutuan Kuala Krai. Latihan ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan warga kerja mengenai aspek keselamatan serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran, termasuk prosedur kecemasan dan penggunaan alat pemadam api dengan betul dan selamat.









28 Jun 2026, Besut – JPPH Kuala Krai telah menyertai Perlawanan Badminton Tiga Penjuru melibatkan JPPH Jerteh, JPPH Kota Bharu dan JPPH Kuala Krai di Dewan Tertutup Kompleks Rakan Muda Besut. Pertandingan melibatkan kategori beregu lelaki, beregu perempuan dan beregu campuran bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan silaturahim dan semangat kesukanan.

5 Julai 2026, Kuala Krai – Warga JPPH Kuala Krai telah menyertai Program Kuala Krai Night Walk 2026 anjuran Majlis Daerah Kuala Krai sempena Program Cakna Alam Sekitar dan Kesihatan. Penyertaan ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga kerja.









13 Julai 2026, Kuala Krai – JPPH Kuala Krai telah mengadakan Sambutan Hari Jadi Kakitangan bagi kelahiran Januari hingga Jun 2026 di Bilik Mesyuarat, Bangunan Persekutuan Kuala Krai. Program ini menjadi tanda penghargaan kepada warga kerja serta wadah mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kekitaan dalam suasana santai dan mesra.

25 Ogos 2026, Kuala Krai – Pasukan futsal Bangunan Persekutuan Kuala Krai yang turut diwakili warga JPPH Kuala Krai telah menyertai Kejohanan Pesta Futsal MADANI Antara Jabatan Kuala Krai 2026 di Gelanggang Futsal Maahad Tahfiz Al-Hashimi, Kampung Tualang. Penyertaan ini melibatkan gabungan warga kerja daripada jabatan dan agensi kerajaan di Bangunan Persekutuan Kuala Krai bagi menggalakkan gaya hidup aktif, mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama antara jabatan.









30 Ogos 2026, Kota Bharu – Kontinjen JPPH Negeri Kelantan telah menyertai Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2026 di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu yang melibatkan 69 kontinjen daripada pelbagai jabatan kerajaan, agensi dan organisasi. Penyertaan ini mencerminkan semangat patriotisme warga JPPH dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan, di samping memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan.

TERENGGANU/KUALA TERENGGANU

11 Jun 2026, Kuala Terengganu – KESUPEN JPPH Kuala Terengganu telah menganjurkan Program Kabbat Bukit yang disertai oleh ahli KESUPEN. Program dimulakan dengan sesi pemanasan badan yang dikendalikan oleh Encik Rushdi sebelum peserta meneruskan aktiviti pendakian hingga ke puncak.









28 Jun 2026, Kuala Terengganu – KESUPEN JPPH Kuala Terengganu telah menganjurkan Sukan Dalaman yang disertai ahli KESUPEN dan dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu Kuning, Merah, Biru dan Hijau. Pelbagai acara seperti Dam Ular, Dart, Batu Seremban, Ping Pong, Congkak dan Karom dipertandingkan bagi menggalakkan penglibatan aktif, mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat berpasukan dalam kalangan ahli.

19 Julai 2026, Kuala Terengganu – JPPH Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang dan Sambutan Hari Lahir Mei–Ogos 2026 di Wisma Persekutuan bagi meraikan Sr Maznah binti Ngah, Pengarah Penilaian Negeri Terengganu, yang akan bertukar ke JPPH Negeri Selangor, serta 11 orang warga kerja yang menyambut hari lahir bagi bulan Mei hingga Ogos. Majlis ini menjadi wadah menzahirkan penghargaan serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja.









30 Julai 2026, Kuala Terengganu – JPPH Kuala Terengganu telah menyertai Perlawanan Bola Sepak 4 Penjuru anjuran Tetuan Ashikin, Martini dan Izzatul (AMI) di GB Duyong Arena, Pulau Duyong. Perlawanan yang berlangsung pada jam 9.00 malam ini turut disertai oleh Bank Rakyat dan Co-Op Bank sebagai platform mengeratkan silaturahim serta hubungan kerjasama antara pihak yang terlibat.

23 Ogos 2026, Kuala Terengganu – PEKIP JPPH Kuala Terengganu telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan Selawat di JPPH Kuala Terengganu. Majlis dimulakan dengan bacaan Yaasin, diikuti selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW sebagai wadah memupuk penghayatan kerohanian dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja.





CHUKAI





21 Mei 2026, Chukai – PEKIP JPPH Chukai telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat bertempat di Surau Aras 2, Bangunan Persekutuan Kemaman. Majlis ini disertai oleh warga kerja JPPH Chukai sebagai wadah memupuk penghayatan kerohanian serta memohon kesejahteraan dan keberkatan buat seluruh warga jabatan.

21 Mei 2026, Chukai – KESUPEN JPPH Chukai telah menganjurkan Kejohanan Bowling KESUPEN 2026 di U Bowl Mesra Mall, Kemasik yang melibatkan penyertaan semua ahli. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu Jatuhan Pin Terbanyak Lelaki, Jatuhan Pin Terbanyak Wanita dan Jatuhan Pin Terbanyak Kumpulan. Kejohanan ini menjadi wadah menggalakkan aktiviti riadah, memupuk semangat kesukanan serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja.













16 Jun 2026, Chukai – JPPH Chukai telah mengadakan beberapa aktiviti melibatkan warga kerja, iaitu Majlis Perpisahan Encik Mohd Radzi bin Mansor, Pembantu Khidmat Awam, sebagai tanda penghargaan atas khidmat dan sumbangan beliau sepanjang lima tahun berkhidmat sebelum bertukar ke Pejabat Veterinar Dungun, serta Majlis Sambutan Hari Lahir Kakitangan bagi kelahiran April hingga Jun 2026 yang melibatkan seramai 10 orang warga kerja. Selain itu, Seminar Tempat Kerja Bebas Dadah turut diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Chukai dengan penyampaian oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Kemaman bagi meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai jenis-jenis dadah terkini dan risiko penyalahgunaan dadah. Kesemua aktiviti ini turut menjadi wadah mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kekitaan serta meningkatkan kesedaran dan kesejahteraan warga kerja.

JERTEH

3 Mei 2026, Jerteh – KESUPEN dan PEKIP JPPH Jerteh telah menganjurkan Program Kecergasan "Senam Sihat" – Brisk Walk di Padang Astaka, Gong Kemuntong, Jerteh. Aktiviti yang diketuai dan dibimbing oleh Encik Muhamad Nazeri bin Deraman ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dalam kalangan warga jabatan.







4 Mei 2026, Jerteh – KESUPEN dan PEKIP JPPH Jerteh telah menganjurkan Majlis Perpisahan sempena pertukaran Puan Baizuranazira binti Ahmad, Pegawai Penilaian W9, ke JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkuat kuasa pada 3 Jun 2026. Majlis yang diadakan di Restoran Kopi Mesin, Jerteh ini turut diselitkan dengan Majlis Bacaan Yasin sebagai tanda penghargaan serta kenangan buat beliau.

12–14 Mei 2026 – JPPH Jerteh telah menjalani Audit Dalaman JPPH Negeri Terengganu selama tiga hari yang melibatkan Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Teknikal serta Unit NAPIC. Audit tersebut dilaksanakan oleh seramai 10 orang juruaudit yang terdiri daripada pegawai JPPH Negeri Terengganu, JPPH Kuala Terengganu dan JPPH Chukai, serta diketuai oleh Tuan Syed Muhammad Iskandar Putra bin Syed Abdul Fattah Sallahudin dari Pejabat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu.









17 Mei 2026, Besut – JPPH Jerteh telah menganjurkan Program Kecergasan di Bukit Bubus, Besut yang turut disertai oleh Penilai Daerah JPPH Jerteh, Sr Muhammad Haneef bin Ali. Aktiviti yang berlangsung dari 7.30 pagi hingga 9.30 pagi ini diadakan sebagai inisiatif kecergasan bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal dalam kalangan warga jabatan.

15 Jun 2026, Jerteh – JPPH Jerteh telah menganjurkan Ceramah Keselamatan bertajuk "Pencegahan Jenayah di Tempat Kerja" dengan menjemput Sub Inspektor Rafidah binti Yusof dari Ibu Pejabat Polis Daerah Besut sebagai penceramah, diiringi oleh Koperal Tan Wan Ting. Ceramah ini bertujuan memberikan pendedahan kepada warga jabatan berkaitan aspek keselamatan serta langkah-langkah pencegahan jenayah di tempat kerja.









28 Jun 2026, Besut – JPPH Jerteh telah mengadakan Pemeriksaan Kesihatan Sempena Program JTANMS di Dewan Belia Kampung Raja, Besut yang melibatkan warga JPPH Jerteh. Program ini turut disertai oleh Sr Ishak bin Yahya, Pengarah Penilaian Negeri Kelantan, bersama warga JPPH Negeri Kelantan sempena Perlawanan Badminton Tiga Penjuru yang melibatkan JPPH Jerteh, JPPH Kelantan/Kota Bharu dan JPPH Kuala Krai.

12–16 Jun 2026, Jerteh – JPPH Jerteh telah menjalani Audit Dalam Perbendaharaan (ADP) selama lima hari yang dilaksanakan oleh pasukan audit seramai empat orang dan diketuai oleh Puan Sazlina binti Mat Isa. Proses pengauditan telah berlangsung dengan lancar dan teratur bagi menilai pematuhan terhadap tatacara serta peraturan kewangan yang ditetapkan.









28 Jun 2026, Besut – JPPH Jerteh telah menganjurkan Perlawanan Badminton Tiga Penjuru yang melibatkan JPPH Jerteh, JPPH Kota Bharu dan JPPH Kuala Krai di Dewan Kompleks Belia dan Sukan, Kampung Raja, Besut. Perlawanan ini diadakan bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan warga JPPH.

SARAWAK/KUCHING

15 Mei 2026, Kuching – KESUPEN JPPH Kuching telah menganjurkan Aktiviti Cardio Exercise dan Brisk Walk di Taman Perpaduan yang disertai oleh warga KESUPEN JPPH Sarawak dan Kuching. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan amalan hidup sihat dan penglibatan dalam aktiviti sukan, di samping mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga JPPH Sarawak dan Kuching.







18–20 Mei 2026, Miri – Pasukan Audit Dalaman JPPH Sarawak telah melaksanakan Lawatan Audit Teknikal, Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus JPPH Miri Tahun 2026. Pengauditan melibatkan semakan fail teknikal dan proses kerja bagi memastikan pelaksanaannya mematuhi perundangan, peraturan serta panduan yang berkuat kuasa, di samping memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan keberkesanan pengurusan serta penyampaian perkhidmatan jabatan.

21 Mei 2026, Kuching – YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS), telah mengadakan Lawatan Rasmi Sempena Mesyuarat Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) Bil. 3 Tahun 2026 di JPPH Sarawak. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau turut dihadiri wakil jabatan dan agensi berkaitan. Sempena lawatan tersebut, YBhg. Dato' SUPS turut menyantuni warga kerja JPPH Sarawak dan Kuching melalui sesi bergambar serta kunjungan dari meja ke meja dalam suasana mesra, sekali gus mengeratkan hubungan antara kepimpinan dengan warga kerja jabatan.







19 Jun 2026, Miri – JPPH Miri telah mengadakan Program Brisk Walk bersama Pengarah Penilaian Negeri Sarawak di Central Park Miri (Marina). Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kerja berpasukan serta memperkukuh kebersamaan dalam kalangan warga JPPH Miri.

2 Julai 2026, Kuching – Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah menganjurkan Program Taklimat Sistem SmartFyle di Hotel Pullman, Kuching yang dihadiri oleh pegawai JPPH Ibu Pejabat serta pegawai-pegawai JPPH Zon Sarawak. Taklimat ini bertujuan memberikan pendedahan dan meningkatkan pemahaman berkaitan tatacara penggunaan sistem SmartFyle bagi penghantaran laporan nilaian JPPH kepada LPPSA.







30–31 Julai 2026, Kuching – JPPH Kuching telah menerima Lawatan Semakan Kualiti Kes-Kes Penilaian daripada Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta (BPPH) serta Bahagian Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan Hartanah (BPLP) bagi kes-kes penilaian yang tidak dihantar ke Ibu Pejabat untuk kelulusan. Lawatan ini disertai oleh YBrs. Sr Khalid bin Abdul Mutalib, Pengarah BPPH, YM Raja Attirah binti Raja Ahmad dan Sr Tan Tat Khuan, Penolong Pengarah BPPH serta Sr Nur Wahida binti Abdul Wahab, Penolong Pengarah BPLP. Aktiviti ini bertujuan menilai tahap pematuhan dan kualiti kerja, di samping menjadi platform perkongsian pandangan, penambahbaikan proses kerja serta pengukuhan amalan terbaik dalam kalangan pegawai penilaian.

31 Julai 2026 – JPPH Sarawak telah menerima Kunjungan Hormat daripada Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan (TSBDSP), Perbendaharaan Malaysia yang diketuai oleh YBrs. Puan Habsah binti Ali, Timbalan Setiausaha Bahagian (Modal Insan), bersama tiga orang pegawai. Kunjungan ini menjadi platform interaksi dan perkongsian maklumat secara bersemuka berkaitan peranan serta fungsi kedua-dua pihak sebagai agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Pertemuan ini turut membuka ruang untuk memperkukuh jaringan kerja dan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.








24 Ogos 2026, Kuching – PEKIP JPPH Kuching telah menganjurkan Program Pop-Up Store di Lobi Tingkat 2, JPPH Kuching yang dibuka kepada warga kerja JPPH Kuching dan Sarawak untuk menyertai aktiviti jualan. Program ini bertujuan menjana dana bagi kelab PEKIP, di samping menyediakan ruang kepada warga kerja untuk menjalankan aktiviti jualan dalam suasana santai dan meriah.

28 Ogos 2026, Kuching – PEKIP JPPH Kuching telah menganjurkan Ceramah Sempena Sambutan Maulidur Rasul bertajuk "Dari Cinta Rasul ke Budaya Kerja Ihsan" yang disampaikan oleh Ustazah Ngatijam binti Misau di Bilik Mesyuarat JPPH Sarawak. Program ini bertujuan meningkatkan penghayatan terhadap nilai dan ajaran Rasulullah SAW serta menerapkan nilai ihsan dalam pelaksanaan tugas dan kehidupan seharian.




MIRI




15 Mei 2026, Miri – JPPH Miri telah mengadakan Pertandingan Persahabatan Ping Pong bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Cawangan Miri di Pejabat JANM Miri. Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim dan kerjasama antara kedua-dua jabatan melalui semangat kesukanan, di samping menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan memupuk semangat berpasukan dalam kalangan warga kerja.

23 Mei 2026 – JPPH Miri, Sarawak telah menyertai Pertandingan Mewarna Miri City Car-Free Morning sempena Karnival MAYFEST 2026 bagi kategori dewasa berumur 35 tahun ke atas yang dianjurkan oleh Seksyen Perpustakaan Majlis Bandaraya Miri di Miri City Hall. Penyertaan ini bertujuan menggalakkan penglibatan aktif dalam program komuniti, di samping menjadi platform untuk menonjolkan kreativiti dan bakat seni serta memupuk gaya hidup sihat dan hubungan baik antara masyarakat dan agensi kerajaan.







14 Julai 2026, Miri – JPPH Miri telah menganjurkan Ceramah Integriti dan Antirasuah dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Bilik Mesyuarat JPPH Miri. Ceramah ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai kepentingan integriti, amanah dan akauntabiliti serta memberi kefahaman berkaitan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan konflik kepentingan, di samping memupuk budaya kerja yang beretika, telus dan bebas rasuah.

28 Ogos 2026, Miri – JPPH Miri telah menganjurkan Sambutan Hari Kemerdekaan di Bilik Mesyuarat JPPH Miri dengan tema pakaian kebangsaan, pakaian tradisional kaum dan pakaian bertemakan Hari Kemerdekaan. Sambutan ini bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara, di samping menghayati kepelbagaian budaya serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja. Program turut diserikan dengan Pertandingan Pakaian Bertemakan Hari Kemerdekaan yang dimenangi oleh Encik Saifulazafi bin Zaidel (PKA) bagi kategori lelaki dan Cik Alicecia anak Jatan (MySTEP) bagi kategori perempuan.




SIBU



12 Mei 2026, Sibu – Kakitangan Unit Teknikal JPPH Sibu telah mengadakan Lawatan Teknikal ke Sapor Shipbuilding Industries, Sibu yang terlibat dalam bidang pembaikan dan pembinaan kapal. Lawatan ini memberi pendedahan secara langsung berkaitan operasi, proses penyelenggaraan dan pembinaan kapal serta teknologi yang digunakan, di samping meningkatkan pengetahuan dan pemahaman teknikal berkaitan penilaian loji, jentera dan peralatan melalui tinjauan di kawasan kerja.

15 Jun 2026, Sibu – JPPH Sibu telah menganjurkan Ceramah Kesedaran Kesihatan Fizikal dan Kanser Reproduktif Wanita di Bilik Mesyuarat JPPH Sibu yang disampaikan oleh Puan Sudan Anak Empurung, jururawat daripada LPPKN Sibu. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai penjagaan kesihatan reproduktif, kepentingan saringan awal dan langkah pencegahan, di samping menyediakan pemeriksaan kesihatan kepada kakitangan.









25–26 Jun 2026, Sibu – JPPH Sibu telah menerima Lawatan Kerja Pengarah Penilaian Negeri Sarawak, Puan Norliza binti Nordin. Sempena lawatan tersebut, Mesyuarat Bersama Kakitangan serta Mesyuarat Pemantauan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan telah diadakan bagi membincangkan pencapaian latihan, pelaksanaan SKU, pengurusan aset serta perkara berkaitan pentadbiran dan kewangan, di samping penyampaian amanat serta maklumat terkini berkaitan pengurusan dan hala tuju jabatan.

7 Julai 2026, Sibu – JPPH Sibu telah menganjurkan Ceramah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Bilik Mesyuarat JPPH Sibu yang disampaikan oleh Encik Safwan bin Lokman, Ketua Cawangan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sibu. Ceramah ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja mengenai budaya kerja yang selamat dan sihat serta perkembangan perundangan berkaitan keselamatan pekerjaan, di samping memberikan pendedahan mengenai kaedah kawalan keselamatan di tempat kerja.







12 Julai 2026, Sibu – Warga JPPH Sibu telah menyertai Acara Fun Run and Walk sempena Program "Sarawak Ku Sayang" sebagai sokongan terhadap inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dalam memupuk semangat perpaduan. Penyertaan ini turut menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta memperkukuh semangat berpasukan dan kebersamaan dalam kalangan warga JPPH Sibu.

20–22 Julai 2026, Sibu – JPPH Sibu telah mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Sarawak 2026 yang berlangsung di Sibu selaku tuan rumah sambutan tahun ini. Sambutan bertemakan "Sarawak Maju Makmur" yang dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak, TYT Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, turut diserikan dengan pelbagai acara seperti Majlis Kesyukuran, Perhimpunan Hari Sarawak dan Unity Walk yang disertai kira-kira 10,000 peserta, dengan sokongan dan penyertaan warga JPPH Sibu.







25 Julai 2026, Sibu – KESUPEN JPPH Sibu telah menyertai Program OHAAA Sarawak Day Hiking di Bukit Kemuyang, Sibu yang dianjurkan oleh MEFA Fit dan Skuad Antidadah dengan kerjasama pelbagai agensi. Program ini turut diserikan dengan aktiviti senamrobik sebelum pendakian, di samping menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta memberi peluang kepada warga kerja menikmati keindahan alam semula jadi Sarawak.

28 Julai 2026, Sibu – JPPH Sibu telah menganjurkan Ceramah "Kenali Ubat Anda dan Penyakit Bawaan Haiwan" di Bilik Mesyuarat JPPH Sibu yang disampaikan oleh Dr Pauline Robert Ero, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, dengan bantuan Puan Hazwani binti Alwi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Ceramah ini memberikan pendedahan mengenai pengambilan dan penyimpanan ubat yang betul serta penyakit bawaan haiwan seperti denggi, malaria, rabies dan leptospirosis, di samping langkah-langkah pencegahan.









7 Ogos 2026, Song – JPPH Sibu telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah Song, Bahagian Kapit yang diketuai oleh Pengarah Penilaian Negeri Sarawak, Puan Norliza binti Nordin bersama Penilai Daerah Sibu, Sr Kevin anak Nyait. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama serta berkongsi maklumat berkaitan fungsi JPPH, pasaran harta tanah dan perkhidmatan latihan INSPEN.




28 Ogos 2026, Sibu – JPPH Sibu telah menganjurkan Ceramah dan Latihan Kebakaran yang disampaikan oleh Encik Abdul Manan bin Anyut, Pegawai Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Sibu Sentral. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan warga kerja melalui pendedahan berkaitan pencegahan kebakaran, penggunaan alat pemadam api serta prosedur evakuasi kecemasan.

SABAH/KOTA KINABALU

6 Julai 2026, Kota Kinabalu – Sr Mohd Haris bin Yop, Pengarah Penilaian Negeri Sabah telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada YBhg. Datuk Mohd Razali bin Wahab, Setiausaha Persekutuan Sabah di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah. Kunjungan ini turut disertai Penilai Daerah dan Pegawai Penilaian JPPH Kota Kinabalu bagi memperkukuh hubungan kerjasama dan silaturahim antara JPPH Sabah dengan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.







20 Julai 2026, Kota Kinabalu – JPPH Sabah telah menganjurkan Program Pemantapan Kreativiti dan Inovasi JPPH Sabah 2026 yang melibatkan warga JPPH Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Program ini turut menampilkan sesi perkongsian bersama Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC) dan kumpulan inovasi Madshukv Innovation Consultant bagi memperkukuh pengetahuan serta mencetuskan idea kreatif dan inovatif dalam menyokong penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.

20 Julai 2026, Kota Kinabalu – JPPH Sabah telah menganjurkan Aktiviti Sukan Bowling di MyBowl One Borneo, Kota Kinabalu yang melibatkan warga JPPH Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta mengeratkan silaturahim dan semangat berpasukan dalam kalangan warga JPPH Sabah.







21 Julai 2026, Kota Kinabalu – JPPH Sabah telah menganjurkan program Technical Day yang melibatkan pegawai teknikal daripada JPPH Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Program ini menampilkan sesi pembentangan oleh Puan Nor Shabani binti Johari, Penilai Daerah Kota Kinabalu; Encik Mohd Fuzee bin Che Mat, Penolong Pegawai Laut, Jabatan Laut Malaysia Negeri Sabah; serta Sr Ts Khairul Hazwan bin Hussin, Jurukur Daerah, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran teknikal bagi memperkukuh pengetahuan dan kompetensi pegawai.

23 Julai 2026, Kota Kinabalu – Pengarah Penilaian Negeri Sabah telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) bagi memperkukuh hubungan strategik dan jaringan kerjasama antara JPPH Sabah dengan KTYS. Kunjungan turut melibatkan pertemuan bersama YBhg. Datuk Hajah Tah Nia binti Haji Jaman, Ketua Eksekutif KTYS, bagi membincangkan potensi kolaborasi dalam bidang yang memberi manfaat bersama.







7 Ogos 2026, Kota Kinabalu – PEKIP JPPH Kota Kinabalu telah menganjurkan Program Bacaan Yasin dan Tazkirah bersama Pengarah Penilaian Negeri Sabah, Sr Mohd Haris bin Yop, di Bilik Mesyuarat JPPH Sabah. Program ini menjadi wadah pengisian kerohanian serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga JPPH Sabah.

17 Ogos 2026, Kota Kinabalu – KESUPEN JPPH Kota Kinabalu telah menganjurkan Program Hiking & Brisk Walk Sempena Sambutan Hari Kebangsaan di Taman Tun Fuad Stephen yang disertai seramai 29 orang peserta. Program ini turut disertai oleh Pengarah Penilaian Negeri Sabah merangkap Pengerusi KESUPEN JPPH Sabah dan Kota Kinabalu, Sr Mohd Haris bin Yop, bagi menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga JPPH.



SANDAKAN

14 Jun 2026, Sandakan – KESUPEN JPPH Sandakan telah menganjurkan Aktiviti Berbasikal Bersama Ahli dan Keluarga KESUPEN di Jalan Sepilok, Batu 14, Sandakan. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta mengeratkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan dalam suasana santai dan menyeronokkan.









26 Jun 2026, Sandakan – KESUPEN dan AKRAB JPPH Sandakan telah menganjurkan Aktiviti Senamrobik JPPH Sandakan Sihat di Pejabat JPPH Sandakan. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal dan mental serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga jabatan.

25 Ogos 2026, Sandakan – KESUPEN Sandakan telah menganjurkan Aktiviti Bowling JPPH Sandakan di Champ's Bowl, Sandakan yang melibatkan warga pejabat bersama ahli keluarga. Aktiviti ini menjadi wadah riadah untuk mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kebersamaan serta memberi ruang kepada warga kerja berehat dan mengurangkan tekanan daripada rutin tugasan harian.





PERSATUAN

PENILAISAMA

25 Mei 2026, Putrajaya – Ahli Jawatankuasa PENILAISAMA bagi Sesi 2026/2028 telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta merangkap Penasihat PENILAISAMA di Ibu Pejabat JPPH. Delegasi yang diketuai oleh Presiden PENILAISAMA, Sr Ari bin Adam bersama lima orang ahli jawatankuasa telah menerima amanat dan pandangan berkaitan hala tuju persatuan, termasuk usaha menyokong penambahbaikan prosedur kerja jabatan, memperkukuh profesion penilaian sektor awam serta meningkatkan kompetensi teknikal dan pembangunan kendiri ahli melalui penganjuran kursus yang bersesuaian. YBrs. Penasihat turut berharap agar barisan jawatankuasa baharu dapat memperkasa peranan persatuan dan menyumbang kepada kemajuan jabatan.









24 Julai 2026, Putrajaya – PEPS telah mengadakan mesyuarat bersama wakil persatuan industri penilaian, pengurusan harta dan perejenan harta tanah di Malaysia, iaitu RISM, MIPFM, MIPEAC, MIEA, PENILAISAMA dan PEHAM bagi membincangkan cadangan kerjasama melalui penggunaan PaymentXchange. Platform dalam talian ini dicadangkan bagi membantu pengamal industri meningkatkan pematuhan terhadap keperluan Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA) melalui fungsi eKYC, saringan AML secara automatik serta kemudahan pembayaran earnest deposit yang selamat. Cadangan kerjasama turut merangkumi sokongan dan kolaborasi industri, promosi penggunaan PaymentXchange serta pelaksanaan program kesedaran melalui seminar, bengkel dan hebahan bagi memperkukuh tadbir urus, integriti dan kesiapsiagaan industri terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

25 Julai 2026, Kuala Terengganu – PENILAISAMA Terengganu telah menganjurkan REN Renewal Programme (RRP), yang dahulunya dikenali sebagai Continuous Development Programme (CDP), dengan penyertaan seramai 53 orang peserta. RRP merupakan kursus wajib tahunan bagi Real Estate Negotiator (REN) berdaftar untuk memastikan mereka dapat melaksanakan amalan rundingan harta tanah dengan kompeten serta melindungi kepentingan orang awam dalam urusan jual beli dan penyewaan harta tanah. Program ini turut disampaikan oleh dua orang penceramah yang merupakan ahli PENILAISAMA, iaitu YBrs. Sr Maznah binti Ngah dan Puan Nor Faziha binti Md Nor.









11 Ogos 2026, INSPEN – PENILAISAMA telah mengadakan sesi perkongsian bersama pelajar institusi pengajian awam, swasta dan institut latihan awam bagi memperkenalkan persatuan serta memberikan pendedahan mengenai hala tuju kerjaya dalam bidang harta tanah. Sesi ini merupakan sebahagian daripada Bengkel Kerjaya dan Sahsiah Pelajar yang melibatkan seramai 38 orang pelajar INSPEN, terdiri daripada pelajar Semester 3, Sijil Penilaian Harta Tanah dan Semester 2, Sijil Agensi Harta Tanah. Perkongsian tersebut telah disampaikan oleh Sr Azlina binti Mohamad Nor dan Encik Abu Salathin Akashah bin Khairuddin.

PUSPANITA

11 Jun 2026, INSPEN – PUSPANITA JPPH selaku Biro Sukan PUSPANITA Kementerian Kewangan telah menganjurkan Program Sukan Tradisional di Dewan Jubli, INSPEN dengan penyertaan seramai 80 orang peserta. Program ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan menghargai warisan permainan tradisional negara. Antara permainan yang dipertandingkan ialah galah panjang, bola beracun, congkak, tuju selipar dan sepak raga bulatan. Program turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Dr. Faritha binti Abdul Muthalib yang menyampaikan hadiah kepada para pemenang.









19 Jun 2026, INSPEN – Biro Agama dan Kebajikan PUSPANITA JPPH telah menganjurkan Program Explorace Kembara Haji yang disertai seramai 30 orang ahli PUSPANITA JPPH. Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli, di samping meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan ibadah haji melalui aktiviti yang interaktif, santai dan menyeronokkan. Program turut diserikan dengan penyampaian hadiah oleh Dr. Faritha binti Abdul Muthalib, selaku Pengerusi PUSPANITA JPPH.

25 Jun 2026, Putrajaya – Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) PUSPANITA Kali Ke-44 telah diadakan di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI, Putrajaya dengan menghimpunkan perwakilan PUSPANITA dari seluruh negara bagi membincangkan hala tuju, memperkukuh jaringan kerjasama serta memperkasakan peranan wanita dalam perkhidmatan awam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Dr. Wan Ismail, isteri kepada YAB Perdana Menteri merangkap Penaung PUSPANITA. Program turut diserikan dengan Sesi Bual Bicara Inspirasi Wanita bertajuk "Superwoman atau Wanita Biasa? – Menolak Mitos Wanita Sempurna" yang mengetengahkan isu keseimbangan kerjaya, keluarga dan kesejahteraan diri. MAP telah diwakili oleh Cik Aqeela binti Mohd Pauzi, manakala Majlis Makan Malam diwakili oleh Puan Azizi binti Elias dan Puan Nurliyana binti Uzir.









28–29 Jun 2026, Cameron Highlands – Program EduAgro Cameron: Teh, Strawberi & 7 JIP Adventure anjuran Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan telah disertai oleh 40 orang ahli PUSPANITA, termasuk tiga orang ahli daripada JPPH iaitu Puan Salizawati binti Azman, Puan Azizi Elias dan Puan Shazura binti Samat. Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai industri agropelancongan, khususnya penanaman teh dan strawberi, serta kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan ekosistem tanah tinggi. Aktiviti yang berkonsepkan experiential learning ini turut memberi pengalaman pembelajaran secara langsung di samping memupuk semangat kerjasama, keberanian dan keyakinan diri dalam kalangan peserta.

11 Julai 2026, Gombak – Program Khidmat Komuniti Celik Kewangan dan Kesejahteraan Komuniti Orang Asli anjuran Biro Kebajikan PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan dengan diterajui oleh PUSPANITA Kijang, Bank Negara Malaysia telah diadakan di JAKOA, Kampung Batu 12, Gombak. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman asas kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli, termasuk amalan pengurusan kewangan berhemah dan budaya menabung, di samping memperkukuh hubungan antara komuniti bandar dan luar bandar melalui aktiviti khidmat komuniti. Program turut disertai oleh YBhg. Datin Ida Murni binti Muhammad, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan, barisan AJK dan ahli PUSPANITA serta dua orang ahli PUSPANITA JPPH, iaitu Puan Normilah binti Samsuni dan Puan Noratikah binti Mokhtar.













17 Julai 2026, INSPEN – Bengkel yang disertai seramai 50 orang ahli PUSPANITA JPPH telah dikendalikan oleh Puan Suraini daripada konsultan SLAE yang dijemput bagi menyampaikan ceramah serta berkongsi teknik solekan yang betul. Program turut diserikan dengan jualan produk SLAE dan slot Bijak Kewangan yang disampaikan oleh wakil Bank Rakyat Cawangan Kajang. Program ini turut mendapat kehadiran YBhg. Datin Dr. Faritha binti Abdul Muthalib.



29 Julai 2026, Media Prima Audio dan Muzium Telekom – Biro ICT, PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan telah menganjurkan Program Lawatan ke Media Prima Audio dan Muzium Telekom dengan penyertaan seramai 20 orang peserta. YBhg. Datin Dr. Faritha binti Abdul Muthalib dan Puan Azizi binti Elias turut mewakili PUSPANITA JPPH dalam program ini. Lawatan tersebut memberi pendedahan secara langsung kepada peserta mengenai operasi penyiaran radio serta evolusi teknologi telekomunikasi di Malaysia, di samping memperluas pengetahuan dan perspektif mengenai perkembangan teknologi serta industri komunikasi negara.





20–23 Ogos 2026, Langkawi – Program anjuran Biro Pembangunan Lestari PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan telah memberi ruang kepada ahli PUSPANITA untuk menghayati keindahan alam semula jadi Langkawi, di samping meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan amalan kelestarian. Program ini turut memberi pengalaman serta pengetahuan kepada peserta untuk menerapkan nilai dan amalan kelestarian dalam kehidupan seharian dan persekitaran kerja. Seramai tiga orang peserta daripada JPPH telah menyertai program ini, iaitu Puan Halimatun Saadiah binti Robani, Puan Azizi Elias dan Puan Nurliyana binti Uzir.

28 Ogos 2026, Shah Alam – PUSPANITA Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan sesi rakaman My#Qurantime 2.0 – "Quran, Solat, Infaq" di Studio Karangkraf Shah Alam. Program ini memberi pendedahan kepada ahli PUSPANITA mengenai proses penerbitan program televisyen dan media digital serta pengalaman berada dalam suasana rakaman studio sebenar. Seramai dua orang peserta daripada JPPH telah menyertai program ini, iaitu Puan Norazila binti Husin dan Puan Syahidda binti Ariffin.



AKRAB

21 Mei 2026, Kota Bharu – JPPH Negeri Kelantan bersama AKRAB JPPH Kota Bharu telah menganjurkan Ceramah Psikologi bertajuk "Stres Terkawal JPPH Cemerlang" di Pejabat JPPH Negeri Kelantan dengan penyertaan Ahli AKRAB JPPH Kuala Krai serta beberapa ahli AKRAB JPPH dari cawangan Zon Timur secara dalam talian. Ceramah yang disampaikan oleh Encik Sukri bin Suhaimi, Ketua Penolong Pengarah (Psikologi Kaunseling), Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan ini memberi panduan kepada warga kerja dalam mengurus dan mengawal stres, mengamalkan gaya hidup sihat serta mengekalkan kesejahteraan minda dan fizikal.







5 Mei 2026, Putrajaya – Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB JPPH Bil. 2 Tahun 2026 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Ibu Pejabat JPPH dan dipengerusikan oleh Puan Sr Sarmila binti Husain, Pengerusi AKRAB JPPH. Mesyuarat membincangkan perancangan program AKRAB bagi tahun 2026, Pelan Strategik AKRAB JPPH serta hala tuju strategik bagi memastikan pelaksanaan aktiviti lebih teratur, berfokus dan selaras dengan objektif organisasi, di samping memperkukuh peranan AKRAB dalam menyokong kesejahteraan dan pembangunan warga JPPH.

12 Mei 2026, Putrajaya – AKRAB Zon Tengah telah menghadiri Majlis Kunjungan Hormat daripada AKRAB Hospital Rehabilitasi Cheras dan AKRAB Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak yang dianjurkan oleh Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK). Majlis ini menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim serta memperkukuh jaringan kerjasama antara pasukan AKRAB di pelbagai agensi dan kementerian, di samping membuka ruang kepada perkongsian pengalaman, amalan terbaik serta pendekatan dalam pelaksanaan aktiviti dan perkhidmatan AKRAB.









6 Jun 2026, Sandakan – AKRAB JPPH Sandakan dengan kerjasama KESUPEN JPPH Sandakan telah menganjurkan Program Jelajah Berbasikal yang disertai oleh enam orang kakitangan. Program ini bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat, mengeratkan silaturahim serta memperkukuh semangat berpasukan dalam kalangan warga kerja. Aktiviti ini turut menjadi platform untuk meningkatkan motivasi, kerjasama dan semangat kekitaan melalui aktiviti riadah yang sihat, santai dan menyeronokkan.

25 Julai 2026, Putrajaya – AKRAB Zon Tengah telah menyertai Forum AKRAB Pengguna Bijak @ Era Digital anjuran Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) dengan kerjasama Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK). Forum ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan menjadi pengguna yang bijak dan berhemah dalam mendepani perkembangan teknologi serta persekitaran digital yang semakin pesat.









7 Ogos 2026, Kuching – Program Outreach Psikologi Kementerian Kewangan Tahun 2026 anjuran Kementerian Kewangan (MOF) telah diadakan di INTAN Kampus Sarawak (INSARA) dengan penyertaan warga kerja JPPH Negeri Sarawak dan JPPH Kuching serta wakil pelbagai agensi seperti Jabatan Kastam Malaysia dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental, memupuk kesejahteraan psikologi serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif dan harmoni.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
Aras 9, Perbendaharaan 2
No. 7 Persiaran Perdana
Presint 2, 62592 Putrajaya

Tel : (603) 8886 9000
Fax : (603) 8886 9001
Portal : www.jpph.gov.my

Perkhidmatan Bernilai Komitmen Kami

EDISI 2/2026